



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8657]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Jadual

Kepala B. 20 [Ruangan 8669]

Kepala B. 23 dan B. 24 [Ruangan 8674]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Kepala P. 20 [Ruangan 8669]

Kepala P. 23 dan P. 24 [Ruangan 8674]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 5hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- Yang Berhormat TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).**
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, **DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).**
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, **DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).**
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).**
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, **DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).**
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, **DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, **DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).**
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, **TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, **TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, **DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, **DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).**
- „ **TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**

- Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGGU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PEJABAT POS ROMPAKAN WANG SIMPANAN

1. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa buah Pejabat Pos yang telah dirompak atau dicuri wang simpanannya dalam tahun 1974 dan 1975, dan kerugian yang dialami oleh tiap-tiap Pejabat Pos tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1974 adalah didapati dua kecurian telah berlaku di dua buah Pejabat Pos dan jumlah kerugian yang dialami adalah sebanyak \$2,858.76. Satu rompakan telah berlaku di sebuah pejabat pos di dalam tahun 1975 hingga sekarang ini dan kerugian yang dialami adalah sebanyak \$22,383.00.

JENAYAH / AKTIVITI-AKTIVITI ANTI-NASIONAL DAN KOMINIS

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi bertambahnya bilangan kejadian jenayah, aktiviti-aktiviti anti-nasional dan komunis yang sangat berani mengganas di kawasan-kawasan bandar sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini seakan-akan sama dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dijawab dalam sidang Dewan ini pada 10hb, 12hb dan 13hb November, 1975. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak menambah.

KES KEBELAKANGAN DI MAHKAMAH

3. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat banyak kes yang kebelakangan. Jika ya, langkah apakah beliau

bercadang mengambil untuk mempercepat kes-kes yang kebelakangan ini dan mempercepat pengurusan pengadilan.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di kebanyakan Mahkamah terdapat banyak kes-kes kebelakangan. Walau bagaimanapun, kedudukan ini tidaklah terlalu berat sebagaimana difikirkan. Kebanyakan kes-kes yang terdapat dalam di Mahkamah-mahkamah yang mengakibatkan kebelakangan ialah kes-kes sivil yang belum sedia persiapannya oleh peguam-peguam untuk dibicarakan. Antara kes-kes yang belum siap termasuklah kes-kes yang telah luput yang tidak akan dibicarakan kerana tidak ada apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan (yakni peguam-peguam bagi pihak menuntut) semenjak kes-kes itu mula didaftarkan. Antara kes tersebut termasuklah suatu kes fitnah (libel suit) yang dimasukkan oleh mending Tuan D. R. Seenivasagam terhadap Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra.

Walaupun bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa jumlah kes-kes sivil baru yang didaftarkan pada umumnya bertambah dari tahun ke setahun. Ini adalah memandangkan perkembangan ekonomi dan sosial yang pesat dan kerana orang ramai sedar tentang hak-hak mereka itu. Perbicaraan sesuatu kes pula, umumnya di tahun-tahun kebelakangan ini mengambil masa yang lebih panjang, kerana kebanyakan kes-kes sekarang ini dibela oleh peguam dan bertambahnya rayuan-rayuan ulangbicara.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan ada berusaha untuk mempercepat lagi pengurusan pengadilan dan langkah-langkah yang telah diambil adalah:

(a) Menambah bilangan mejisteret-mejisteret. Dalam bulan Julai, 1975, Kerajaan telah mengambil 15 orang pegawai dari Perkhidmatan Tadbir Melayu untuk berkhidmat sebagai Pengadil. Sekarang ini ada 14 orang pegawai yang telah bersara diambil semula bekerja sebagai Pengadil sebagai langkah sementara sahaja.

(b) Dengan keluarnya siswa-siswa dari Fakulti Undang-undang Universiti Malaya pada pertengahan tahun 1976, ini, lebih ramai lagi akan diambil bekerja di Kementerian Undang-undang

dan Peguam Negara dan juga sebagai Mejisteret di Mahkamah.

Saya suka menegaskan di sini bahawa kelambatan penyelesaian sesuatu kes itu bukanlah semata-mata tanggungjawab pihak mahkamah. Peguam-peguam dan pendakwa-pendakwa yang tidak dapat menyiapkan persediaan kes-kes mereka dengan lebih segera, selalu meminta tangguhan kerana beberapa sebab, misalnya, orang-orang yang kena tuduh atau kena tuntutan menghilangkan diri atau mengemukakan sijil sakit. Kadangkala saksi-saksi pula tidak hadir oleh kerana uzur atau tidak dapat disafina. Semua ini akan melambatkan penyelesaian sesuatu kes itu. Semua pihak yang berkenaan mestilah memberi kerjasama kalau pengurusan keadilan hendak dipercepatkan lagi.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan banyaknya kes-kes sivil yang dibawa ke mahkamah pada hari ini dan beberapa banyak perkara yang telah terlambat bukan kerana kesalahan mahkamah, adakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk menambahkan kos perbelanjaan mahkamah terhadap kes-kes sivil ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan itu, sebab kalau kita tambahkan kos itu akhirnya yang kena itu ialah orang yang menuntut dan kena tuntutan, bukan lawyer yang berkenaan.

GANTI RUGI KEHILANGAN NYAWA

4. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah beliau sedar bahawa Mahkamah telah menetapkan ganti rugi untuk kehilangan nyawa pada \$3,000. Jika ya, adakah beliau bercadang mengadakan undang-undang untuk meninggikan ganti rugi kehilangan nyawa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar. Tetapi penetapan oleh Mahkamah adalah bagi kanak-kanak dan orang-orang yang berumur rendah. Dalam kes-kes orang-orang dewasa pula Mahkamah memberi \$3,500. Manakala pada menentukan jumlah wang akibat kehilangan

nyawa ialah di antara \$3,000 dan \$3,500. Mahkamah-mahkamah mengambil perhatian semua faktor-faktor yang berkenaan. Bagi diri saya, saya tidaklah mempunyai apa-apa sebab untuk tidak bersetuju dengan keputusan—Mahkamah kita itu. Saya rasa, saya berpuas hati atas wang yang diberi itu adalah berpatutan dan munasabah, kerana wang itu ialah untuk ganti rugi nyawa sahaja tidak termasuk ganti rugi, misalnya, kehilangan pendapatan atau tanggungan dan gaji-gaji pada mereka yang mati itu. Kerajaan tidak ada hendak membawa cadangan satu undang-undang untuk meninggikan ganti rugi nyawa itu. Tetapi pada masa ini Kementerian saya sedang menyelidiki hendak mengadakan satu undang-undang mengikut sebagaimana yang telah dijalankan di New Zealand di mana kelak dalam kemalangan jalanraya dengan sebab motokar dan lain-lain kematian itu dapat dibayar dengan menasabah. Perkara ini sedang diselidiki lagi.

MARA—PINJAMAN TIDAK DIBAYAR

5. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan jumlah bilangan orang-orang yang tidak membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperolehi dari MARA, jumlah wang terlibat dan nyatakan apakah tindakan Kerajaan sedang mengambil untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang yang tidak dapat membayar balik pinjaman MARA adalah kecil. Semenjak ditubuhkan MARA telah mengeluarkan pinjaman kepada 42,056 orang dan sehingga akhir Jun 1975, hanya 528 orang atau 0.58% sahaja daripada jumlah peminjam-peminjam yang telah gagal membayar balik pinjaman mereka. Jumlah pinjaman yang telah gagal ini ialah bernilai \$1 juta daripada jumlah \$232.9 juta yang telah dikeluarkan oleh MARA. Apa yang berlaku pada hari ini ialah kebanyakan daripada peminjam-peminjam lewat membayar balik pinjaman daripada masa yang telah ditentukan. Untuk mendapat balik bayaran-bayaran yang lewat ini MARA telah mengambil tindakan yang perlu bagi mengutip balik bayaran-bayaran yang terkebelakangan, termasuk tindakan mahkamah.

SIMEN KEKURANGAN

6. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan bekalan simen yang serius di negara ini yang telah menyebabkan ramai pembeli-pembeli simen tidak dapat memperolehi simen dengan harga pasaran biasa, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan perkara ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari tentang kekurangan bekalan simen di negara ini sepertimana yang telah saya jelaskan di Dewan ini pada 18-11-75 semasa menjawab pertanyaan yang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi. Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan mengurangkan cukai impot simen daripada kadar \$12 satu tan kepada \$2 satu tan dan memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat mengeluarkan simen yang ada sekarang untuk menambahkan daya pengeluaran simen di samping meluluskan penubuhan kilang-kilang simen yang baharu yang telah juga saya jelaskan. Selain daripada itu, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Simen untuk membekalkan simen kepada kontraktor-kontraktor yang mengendalikan projek-projek Kerajaan dengan harga yang dipersetujui oleh Kerajaan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga sekarang sedang membuat kajian-kajian tentang kemungkinan mengujutkan harga yang sama diseluruh negara di peringkat borong dan runcit.

PAKAR PERUBATAN JIWA DI KEDAH

7. Tuan Oo Chin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan kemungkinan untuk menempatkan seorang doktor jiwa di Kedah daripada mengadakan seorang doktor jiwa yang datang dari Pulau Pinang cuma sekali dalam dua minggu supaya tiada mendatangkan kesusahan kepada pesakit-pesakit otak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawatan Pakar Perubatan Jiwa tetap di Kedah akan diisikan apabila pegawai tersebut diperolehi. Pada masa ini, Kementerian saya tidak mempunyai Pakar Perubatan Jiwa untuk ditempatkan di Kedah dan oleh

yang demikian Pakar Perubatan Jiwa daripada Pulau Pinang akan mengendalikan tugas-tugas itu sekali dalam tiap-tiap dua minggu.

JUDI DIHARAMKAN

8. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang penjejasan akhlak masyarakat yang amat sangat yang disebabkan oleh perjudian yang disahkan, dan samada beliau akan menimbang untuk mengharamkan ataupun memberhentikan aktiviti-aktiviti perjudian.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup sedar akan keburukan akibat judi dan bahayanya jika tidak dikawal. Dalam pada itu, tidaklah dapat dinafikan bahawa pengharaman judi secara langsung tidaklah praktikal. Jika diharamkan sama sekali pun tidak dapat juga dijaminan perjudian tidak akan terus berlaku. Sebaliknya pula, kemungkinan perjudian akan berlaku secara berleluasan dalam gelap (di bawah tanah) sangatlah besar. Sebagai langkah mengawal perjudian beberapa undang-undang yang tertentu telah diwujudkan. Perjudian terkawal dengan berlesen itu dibenarkan secara ikhtiar yang bermaksud mencegah judi haram.

KONTREKTOR-KONTREKTOR LUAR NEGERI

9. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan kontrak-kontrak besar peringkat antarabangsa yang diselenggarakan oleh kontraktor-kontraktor luar negeri dan jenis kontraknya dan mengapa kontrak-kontrak sedemikian tiada dapat diselenggarakan oleh kontraktor-kontraktor kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, boleh dikatakan kesemua kontrak besar adalah dikendalikan selaras dengan peraturan tender antarabangsa yang melibatkan kerjasama kejuruteraan awam di mana projek-projek pembangunan yang berkenaan adalah dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya daripada unsur-unsur kewangan luar negeri.

Di ketika ini, ada terdapat 16 kerja-kerja kontrak kejuruteraan yang besar yang sedang dikendalikan di bawah kategori ini. Dari bilangan ini, 15 adalah dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya Persekutuan dan satu oleh Kementerian Perhubungan. 13 daripada kontrak-kontrak ini adalah dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor dari luar negeri manakala 3 lagi adalah dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor yang telah bergabung dengan kontraktor-kontraktor tempatan.

Kontraktor-kontraktor yang dikatakan ini adalah termasuk dalam kategori-kategori berikut:

Pembinaan Lebuh raya ...	7
Pembinaan Terowong ...	1
Pembinaan Jambatan ...	3
Pembinaan Pelabuhan ...	4
Pembinaan Lapangan Terbang ...	1

Jumlah nilai kontrak-kontrak kesemuanya ialah lebih kurang M\$451 juta.

Bagi kerja-kerja pembangunan yang besar-besar, pihak Kerajaan mengikut dengan rapi dasar tender antarabangsa yang terbuka. Kontraktor-kontraktor luar negeri dan juga kontraktor-kontraktor tempatan bolehlah bertanding bersama-sama bagi kontrak berkenaan dan pilihan adalah diberi kepada kontraktor yang memberi tawaran yang 'competitive' sekali. Peraturan antarabangsa ini adalah juga dikehendaki oleh pihak Bank Dunia dan juga Bank Pembangunan Asia di mana mereka terlibat dengan pembiayaan projek-projek yang berkenaan. Di sini pun, bila menilai tender-tender yang dikemukakan itu, tawaran, yang 'competitive' sekali adalah pada kebiasaannya diberi keistimewaan, tidak mengira samada tawaran tersebut dari kontraktor luar negeri ataupun kontraktor tempatan.

Terdapat juga kontraktor-kontraktor tempatan yang telah berjaya dalam pertandingan terbuka ini dan dua daripada mereka sekarang sedang menjalani kerja-kerja kejuruteraan awam yang besar dalam bentuk pembinaan lebuh raya dan pembinaan jambatan-jambatan, bernilai lebih kurang M\$15.7 juta. Kontraktor-kontraktor tempatan yang lain telah juga melibatkan diri dalam bentuk usaha-bersama dengan kontraktor-kontraktor luar negeri dan kerja-kerja dalam bentuk ini adalah bernilai M\$71.90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hampir kesemua projek-projek ini dibiayai daripada pinjaman-pinjaman dari Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, dan bank-bank tersebut mensyaratkan di dalam pinjaman mereka bahawa tender antarabangsa mestilah dipanggil, maka peraturan ini terpaksa diteruskan di masa hadapan. Pihak Kerajaan sudah tentu akan menggalakkan kontraktor-kontraktor tempatan untuk melibatkan diri mereka secara lebih berkesan ditender-tender berkenaan dan mereka akan terus diberi pertimbangan jika mereka menawarkan harga-harga yang 'competitive' dan seterusnya mempunyai kebolehan untuk mengendalikan kerja-kerja kontrak yang besar-besar itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan tentang kedudukan kontraktor-kontraktor luar negeri ini dalam menjalankan kerjanya untuk mengambil bumiputra bekerja dengan kontraktor-kontraktor ini khususnya dalam bidang pengurusan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan menggalakkan kontraktor-kontraktor luar negeri supaya mengambil kakitangan tempatan khususnya dari bumiputra untuk mengisikan jawatan pengurusan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan iaitu berkaitan dengan kontraktor di Pelabuhan Tanjong Gelang di mana saya dapat tahu dalam bidang pengurusan kurang benar dari bumiputra, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dan memberi jaminan untuk mengambil tindakan selanjutnya?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Soalan ini adalah berkaitan dengan satu projek di mana saya tidak mengkaji kedudukannya sebelum saya dapat memberi jawapan yang tegas dan tertentu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan masalah kontraktor-kontraktor antarabangsa yang menjalankan kerja-kerjanya dalam negara kita, adakah Kerajaan kita memberi syarat-syarat yang tertentu masalah pengambilan dalam jawatan pengurusan kaum bumiputra dan warganegara kita ataupun dibiarkan begitu

sahaja kontrektor-kontrektor luar negeri itu menjalankan kerja-kerjanya di dalam negara kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya apabila sesuatu kontrektor luar negeri menawarkan tender-tender, Kerajaan mesti ada syarat-syarat berkenaan dengan berpakah, misalnya, jurutera-jurutera yang boleh dibawa masuk dari luar negeri, kerana seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan ada satu rancangan Malaysiansation dan walaupun kontrektor-kontrektor luar negeri dapat satu-satu tender ataupun satu kontrak mereka juga mesti mematuhi kehendak-kehendak Kerajaan berkenaan dengan jawatan-jawatan yang patut diisikan oleh orang tempatan.

DOKTOR MENJALANI LATIHAN HOUSEMANSHIP

10. Tuan Lim Kian Hoon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa terdapat beberapa orang doktor yang berkelayakan yang telah mendapat latihan dari universiti-universiti di seberang laut tidak diberi tempat bagi menjalani latihan housemanship;
- (b) nyatakan dari negara-negara manakah mereka mendapat latihan; dan
- (c) apa langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan supaya mereka yang berkelayakan ini diberi tempat untuk menjalani latihan housemanship.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya mempunyai tempat latihan yang terhad, iaitu 280 sahaja dan semua tempat ini telahpun dipenuhi.
- (b) Pada masa ini terdapat 55 orang doktor warganegara negeri ini yang masih menunggu untuk dihantar bertugas.
- (c) Kementerian saya telah mengambil langkah untuk menambah bilangan tempat latihan bagi doktor-doktor pelatih di hospital-hospital latihan yang di akui. Jawatankuasa Pra-Pendaftaran Latihan telah meluluskan tambahan 83 lagi tempat, yang menjadikan jumlah semuanya 363 dan dengan tambahan 50 jawatan latihan di Hospital Universiti, kita akan mempunyai 413 tempat untuk

doktor-doktor pelatih. Tindakan telah diambil bersama dengan Ajensi Pusat bagi meluluskan 83 jawatan tambahan doktor-doktor pelatih dan kelulusan muktamad dijangka akan dapat dibuat dalam masa beberapa hari lagi dan mungkin tawaran akan diberikan kepada semua doktor-doktor pelatih yang sedang menunggu pada masa ini, sebelum akhir bulan ini.

LATIHAN GURU-GURU DI SELURUH MALAYSIA—MENYATUKAN

11. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menyatukan sistem latihan guru di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, supaya guru-guru yang dilatih di kedua-dua negeri tersebut itu juga setaraf dengan guru-guru yang menerima latihan di Semenanjung Malaysia dan mereka ditukar-tukarkan ke seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai kuasa otonomi dalam soal pelajaran. Oleh itu, Sabah dan Sarawak adalah berhak memutuskan sendiri setakat mana hendak mengikut amalan-amalan sistem pelajaran dan juga sistem latihan perguruan Semenanjung Malaysia dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun sukacita saya menyatakan bahawa Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri Sabah dan Sarawak adalah sentiasa menyedari dan mengikut dengan teliti perkembangan sistem latihan guru-guru maktab-maktab perguruan Semenanjung Malaysia. Sejak tahun 1974 sukatan-sukatan pelajaran yang dipergunakan di maktab-maktab perguruan Semenanjung Malaysia telah mula dikaji dan dipergunakan di maktab-maktab perguruan di Sabah dan juga di Sarawak dengan mengadakan pindaan-pindaan dan penyesuaian mengikut keupayaan dan keperluan-keperluan khas tempatan.

TABUNG PUSINGAN PERUMAHAN \$10 JUTA

12. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menjelaskan sebab-sebab kelambatan di dalam melancarkan tabung pusingan perumahan

sebanyak \$10 juta tahun ini berikutan dengan arahan Perdana Menteri untuk pembentukannya lebih dari enam bulan yang lalu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, perkara kelambatan tidak berbangkit bagi pelancaran tabung pusingan perumahan bernilai \$10 juta, kerana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah membuat pengumuman pada 8-10-75, bahawa rancangan tersebut akan dijalankan pada tahun hadapan.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru sendiri telah membuat satu pengumuman bahawa pinjaman-pinjaman dari tabung \$10 juta ini akan diberi kepada rakyat jelata dalam bulan Disember. Jadi sampai sekarang rakyat jelata belum dapat tahu detail berkenaan dengan pinjaman ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Saya tidak sedar dan saya tidak pernah mendengar bahawasanya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah membuat pengakuan bahawa pinjaman itu akan diberi pada bulan Disember, kerana pengumuman yang dibuat pada 8-10-75 menerusi akhbar bahawa pinjaman ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR— KAKITANGAN

13. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan bahawa sebuah bangunan tambahan yang diperbuat kepada Hospital Alor Setar baru-baru ini dan mengakibatkan kekurangan sekurang-kurangnya 15 orang amah dan 12 orang kerani penyambut bagi mengendalikan kerja-kerja, samada beliau akan ambil langkah-langkah untuk mengambil kakitangan-kakitangan itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang kekurangan beberapa kakitangan seperti Kerani Penyambut dan Atendan Hospital di Hospital Besar, Alor Setar. Disebabkan oleh dasar Kerajaan untuk membekukan semua kekosongan jawatan sekarang ini, maka langkah-langkah sedang diambil supaya menggunakan (redeploy) kakitangan yang ada untuk mengu-

rangkan masaalah yang dihadapi oleh Hospital ini. Dalam pada itu, bagi Kerani Penyambut, urusan pengambilan sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengisi kekosongan di Kementerian saya. Adalah diharapkan kekurangan Kerani Penyambut di Hospital berkenaan boleh diatasi tidak lama lagi.

PEJABAT PENDAFTAR DAN Pemeriksa Kereta-Kereta MOTOR, ALOR STAR

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan, adakah beliau sedar bahawa sungguhpun tanah telah diperolehi di Alor Setar beberapa tahun yang telah sudah untuk membina bangunan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor, tetapi sehingga ini pihak Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor masih menggunakan bangunan yang sempit itu dan mendatangkan kesusahan kepada orang ramai dan bilakah bangunan yang baru akan dibina dan apakah sebab-sebabnya kelewatan membinanya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pembinaan bangunan baru Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Alor Star telah mengambil masa yang agak lama sedikit sungguhpun rancangan pembinaannya telah dicadangkan beberapa lama dahulu. Ini adalah disebabkan oleh masaalah-masaalah pembebasan hal ehwal tapak tanah dan masaalah dalam pemanggilan tawaran yang mana telah dipanggil sebanyak empat kali untuk mendapatkan tawaran yang menasabah dan berpatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat rakan saya dari Alor Setar, tawaran pertama ini dibatalkan oleh kerana harga tawaran yang terendah melebihi anggaran harga sebanyak 25%. Tawaran dipanggil semula pada 13hb Ogos, 1974 dan harga tawaran masih melebihi 11% daripada anggaran harga. Tawaran dipanggil buat kali ketiga pada 19hb Oktober, 1974 dan harga tawaran masih tinggi. Akhir sekali tawaran dipanggil pada 15hb November, 1974 dan tawaran didapati menasabah dan oleh yang demikian barulah diterima dan dari itu ternyatalah masaalah-masaalah ini telah dapat diselesaikan dan pembinaan bangunan baru ini telahpun dimulakan pada

4hb Mac, 1975 dan berjalan dengan lancar. Kemajuan keseluruhannya pada masa sekarang ialah 40%. Bangunan baru ini dijangka akan siap pada suku akhir tahun 1976.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1976
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN
SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (4hb Disember, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyambung jawapan beliau.

Kepala B. 20 (Jadual)

Kepala P. 20 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.03 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Maran semalam telah mencadangkan supaya Badan-badan Berkanun hendaklah bergiat lebih kuat lagi dalam bidang-bidang ini dan galakan-galakan tertentu hendaklah diberi kepada badan-badan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memanglah memberi keutamaan kepada Badan-badan Berkanun untuk membeli saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra dan juga Kementerian sentiasa memberi apa sahaja galakan-galakan, bantuan, pertolongan yang tertentu kepada badan-badan tersebut untuk menceburkan diri di dalam bidang perdagangan dan juga dalam bidang perindustrian.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput mencadangkan supaya kaum bumiputra diberi peluang membayar saham dengan secara ansuran mencadangkan supaya Kerajaan mengumpulkan wang penduduk luar bandar dan seterusnya mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah agensi untuk menggalakkan bumiputra menyertai bidang perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya menyedari bahawa sebagaimana yang telah dinyatakan banyak saham-saham yang telah ditawarkan oleh kilang-kilang perindustrian yang diminta menawarkan sahamnya kepada bumiputra telah tidak dibeli ataupun diambil oleh kaum bumiputra, oleh kerana beberapa sebab yang tertentu. Jadi, dengan kerana adanya kenyataan ini pihak Kementerian saya telah mengemukakan cadangan supaya menubuhkan satu Badan Amanah Saham Bumiputra yang akan dikendalikan oleh pihak-pihak ataupun Kementerian yang ditetapkan dan apabila Badan Saham Bumiputra ini ditubuhkan kita berharap saham-saham yang ditawarkan oleh kilang-kilang perindustrian yang tidak dibeli oleh orang Melayu itu boleh diambilalih oleh badan ini dan dengan itu juga kita berharap syor yang baik daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput bagi orang-orang yang duduk di luar bandar dapat membayar secara ansuran terhadap saham-saham yang ditawarkan oleh kilang-kilang ini bolehlah dibeli dengan cara itu daripada badan yang mungkin kita tubuhkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga mencadangkan supaya Bahagian Penyertaan Bumiputra diberi kuasa yang cukup bagi melaksanakan tugas-tugasnya. Sungguhpun Bahagian ini tidak mempunyai kuasa-kuasa tertentu tetapi dalam beberapa perkara yang tertentu dalam mana undang-undang perlu dikenakan untuk kita laksanakan satu-satu dasar yang telah kita persetujuan, maka Kementerian saya ada mempunyai undang-undang, peraturan-peraturan dalam mana perkara-perkara itu dapat kita laksanakan mengikut undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang ada pada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sungguhpun Bahagian Bumiputra tidak mempunyai kuasa yang tertentu saya suka menyatakan bahawa tugas-tugas yang dijalankan selama ini adalah memuaskan dan kemajuan yang dicapai setakat ini oleh Bahagian ini adalah menggalakkan khususnya dari segi penggiatan

bumiputra dalam bidang perdagangan yang tertentu khususnya di dalam bidang perdagangan barang-barang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan masalah Syarikat Usahasama yang mana bumiputra menguasai 50% dari equity syarikat yang berkenaan itu dan syarikat ini dianggap sama atau setaraf dengan syarikat-syarikat yang dikuasai sekurang-kurangnya 51% oleh bumiputra sebagai syarikat bumiputra kerana ada kenyataan pada kita bahawa dalam setengah-setengah bidang perdagangan yang memerlukan banyak modal, memerlukan banyak pengalaman pihak bumiputra yang terlibat di dalam perdagangan ataupun perniagaan itu terpaksa menjalankan perniagaan secara usahasama dengan kaum-kaum lain. Jadi dalam perkara ini saya berpendapat ada kebaikannya kerana bumiputra dapat mempeajari dari pengalaman rakan-rakan bukan bumiputra di dalam satu-satu bidang perdagangan yang dijalankan oleh mereka dari segi usahasama dengan kaum lain.

Ingin juga saya nyatakan di sini bahawa dalam keadaan di mana pemilihan terpaksa dibuat di antara dua buah syarikat bumiputra, maka syarikat yang mempunyai penyertaan bumiputra yang lebih adalah diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyatakan bahawa Kementerian ini tidak memberi perhatian yang berat terhadap pembangunan cottage industry. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak bertanggungjawab di atas perkembangan cottage industry. Ini adalah tanggungjawab Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam yang diuruskan ataupun diselenggarakan melalui MARA.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah mencadangkan supaya pemodal-pemodal yang mengkhaskan 40% daripada modal mereka kepada bumiputra. Pada masa sekarang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru yang memerlukan semua syarikat perindustrian dan perniagaan mengkhaskan sekurang-kurangnya 30% daripada equity mereka kepada bumiputra. Dalam pada adanya peraturan yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru ini, suka saya menyatakan ada pihak-pihak pedagang ataupun peniaga

bukan bumiputra yang telah menawarkan saham lebih daripada yang telah ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru iaitu 30%.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menyatakan bahawa perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak dijalankan dengan sempurna. Perlaksanaan dasar ini menakutkan, kata Ahli Yang Berhormat itu pelabur-pelabur asing, terutama tentang jawatan-jawatan penting (key post). Saya suka menyatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa kita ada guideline atau panduan-panduan tentang perkara membenarkan adanya pegawai-pegawai luar yang memegang key post atau jawatan penting dalam satu-satu syarikat. Kita adalah selalu mengambil sikap pragmatic dan praktikal dalam perkara ini dan sentiasa memberi kesempatan bagi seseorang yang dianggap mencukupi syarat sebagai pegawai penting dalam syarikat itu untuk menyanggah jawatan itu untuk menjaga kepentingan syarikat luar negeri yang menjalankan perniagaan ataupun perusahaan secara usahasama dengan satu-satu syarikat tempatan.

Mengenai jawatan-jawatan specialist saya suka menyatakan di sini bahawa tentang perkara ini kita juga mempunyai panduan atau guideline dalam mana kita membenarkan pegawai-pegawai specialist atau pakar di dalam satu-satu syarikat daripada luar negeri yang dianggap betul-betul perlu mencukupi bagi kegunaan satu-satu kilang perusahaan itu, dengan syarat bahawa pegawai pakar atau specialist itu dikehendaki melatih dan memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai tempatan untuk mempelajari bidang-bidang pekerjaan itu supaya pada satu masa ke hadapan kelak ia dapat memberi tanggungjawabnya kepada seorang pegawai specialist tempatan.

Saya suka menyatakan di sini bahawa perkara kedudukan pegawai penting dan pegawai specialist adalah didalam jajaan Malaysianisation Committee atau Jawatan-kuasa Kewarganegaraan dalam mana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ada mempunyai wakilnya. Dalam pada itu kalau sekiranya ada pihak-pihak yang tidak berasa puashati di atas satu-satu ketetapan yang dibuat berkenaan dengan kebenaran yang diberi kepada pegawai penting atau specialist dari luar negeri bekerja di sini buat masa ini, rayuan boleh dibuat kepada Review Committee yang telah ditubuhkan oleh Jumaah

Menteri baru-baru ini dalam mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya sendiri sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan juga Menteri Buruh. Jawatankuasa Review ini akan dapat mengkaji segala rayuan-rayuan yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang agak berasa tidak puas hati di atas satu-satu ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kewanganegara.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus mencadangkan supaya Malaysia menggalakkan impot batek dan pertukangan tangan ke luar negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengambil langkah untuk menggalakkan penjualan batek dan barang-barang pertukangan tangan di luar negeri. Perusahaan batek dan lain-lain pertukangan tangan ada dipamirkan di pamiran-pamiran perdagangan di luar negeri. Begitu juga Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri ada membuat market survey research untuk barang-barang tersebut di tempat mereka bertugas. Selain daripada itu, beberapa perjanjian mengenai kraf-tangan telah diadakan dengan beberapa negara untuk mendapatkan pengecualian cukai impot di negara tersebut. Setakat ini Malaysia telah mengadakan perjanjian dengan Amerika Syarikat dan perjanjian-perjanjian seperti itu sedang diusahakan juga di negara Australia dan negara-negara Persatuan Ekonomi Eropah.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar minta usaha yang lebih giat dijalankan bagi membangunkan perusahaan pelancungan di negeri Sarawak. Bagi pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan, saya suka menyatakan usaha dan kerjasama yang lebih erat bagi memajukan perusahaan itu adalah sedang dirancang, dan untuk membolehkan kita memperluaskan kegiatan badan itu ke kawasan-kawasan wilayah lain Sarawak dan Sabah, kita telah menubuhkan badan yang dinamakan Regional Tourism Coordinating Committee yang akan ditubuhkan juga di Sarawak. Perbadanan ini juga akan menguatkuasakan undang-undang bagi mengawasi perjalanan ajensi-ajensi pelancungan dan juga pemandu-pemandu pelancung ataupun tourist guide. Dengan adanya undang-undang ini kelak, maka dapatlah ajensi tersebut kita awasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mencadangkan supaya Pusat Daya Pengeluaran Negara menjadi Ahli Asian Productivity Organisation (APO).

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk Pusat Daya Pengeluaran Negara menjadi ahli APO.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyatakan bahawa pejabat-pejabat Kementerian ini berselerak dan tidak ditempatkan di dalam satu bangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan diletakkan dibangunannya sendiri dalam tahun 1977. Bangunan ini sedang di dalam binaan dan dijangka akan siap pada awal tahun 1977. Semua bahagian dan Pejabat-pejabat di bawah Kementerian ini akan ditempatkan dibangunan ini kelak.

Tuan Pengerusi itulah anggaran perbelanjaan yang dikemukakan daripada Kementerian saya untuk dipersetujui oleh Dewan yang mulai ini.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$31,901,600 untuk Kepala B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$5,203,020 untuk Kepala P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Kepala B. 23 dan B. 24 (Jadual)

Kepala P. 23 dan P. 24 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.19 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan sebanyak satu ribu, empat ratus enam puluh dua juta, lapan ratus enam puluh tujuh ribu, empat ratus tiga puluh ringgit, (\$1,462,867,430) bagi tahun 1976 di bawah Kepala-kepala Anggaran yang berikut menjadi sebahagian daripada Jadual:

(i) *Kepala Bekalan 23—Kementerian Pelajaran*

Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$1,030,427,000 yang terdiri daripada \$47,671,685 untuk

Emolumen, \$30,334,599 untuk Perkhidmatan dan Bekalan, \$1,261,350 untuk Pemilikan Harta Modal, \$949,159,366 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan \$2,000,000 untuk lain-lain perbelanjaan. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1975 sebanyak \$36,523,261 atau 3.67%.

(ii) *Kepala Pembangunan 23—Kementerian Pelajaran*

Anggaran Belanja Pembangunan yang diperlukan ialah sebanyak \$204,552,030 iaitu terdiri daripada \$3,070,010 untuk aktiviti Pentadbiran Am. \$10,000,000 untuk Latihan Guru, \$72,562,020 untuk aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah, \$118,520,000 untuk aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi dan \$400,000 untuk aktiviti Kebajikan Penuntut Malaysia Di Luar Negeri.

(iii) *Kepala Bekalan 24—Kementerian Pelajaran—Sarawak dan Sabah*

Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$170,963,400 yang terdiri daripada \$85,102,834 untuk Emolumen, \$301,104,566 untuk Perkhidmatan dan Bekalan, \$913,000 untuk Pemilikan Harta Modal dan \$54,843,000 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1975 sebanyak \$13,963,400 atau 8.8%.

(iv) *Kepala Pembangunan 24—Kementerian Pelajaran—Sarawak dan Sabah*

Anggaran Belanja Pembangunan yang diperlukan ialah sebanyak \$56,925,000 yang terdiri daripada \$2,200,000 untuk aktiviti Latihan Guru, \$54,725,000 untuk aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, sebelum saya membentangkan peruntukan yang diperlukan menurut aktiviti-aktiviti perbelanjaan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1976, izinkan saya nyatakan objektif-objektif Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan bermula pada tahun hadapan dengan secara ringkas yang mana ada hubungan dengan Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran yang dipinta pada tahun 1976.

Di antara objektif-objektif penting Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk memperkembang dan memperkuat lagi Sistem Pelajaran Kebangsaan untuk memenuhi matlamat yang

dirancangkan dan memupuk perpaduan negara serta membekalkan tenaga manusia yang terlatih dan berdisiplin bagi keperluan negara. Di samping itu usaha akan diteruskan lagi untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam pelajaran melalui pembahagian sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan yang lebih saksama, dan melaksanakan seterusnya dasar bahasa Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pelajaran, terutamanya di peringkat menengah.

Matlamat seterusnya adalah jua untuk memperkukuhkan lagi rancangan-rancangan serta kemudahan pelajaran di semua peringkat supaya dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan negara.

Sebenarnya jumlah belanja mengurus yang dipohon ialah sebanyak \$1,520.61 juta iaitu \$1,305.78 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$214.83 juta bagi Sarawak dan Sabah. Bagi Semenanjung Malaysia dari jumlah \$1,305.78 juta sebanyak \$53.51 juta untuk gaji kakitangan-kakitangan pentadbiran dan pensyarah-pensyarah maktab perguruan dan \$709.30 juta untuk gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah. Ini bermakna perbelanjaan untuk membayar gaji sahaja merupakan 58.42% daripada jumlah perbelanjaan mengurus bagi Semenanjung Malaysia. Tetapi jumlah yang dipohon itu tidaklah dapat di persetujui kerana pada masa ini Kerajaan sedang menjalankan dasar jimat cermat dan pengujudan jawatan baru dan pengisian kekosongan adalah dibeku. Dengan itu jumlah yang diperuntukkan ialah bagi jawatan-jawatan yang telah diisi iaitu bagi gaji kakitangan-kakitangan pentadbiran dan pensyarah-pensyarah maktab perguruan sebanyak \$47.67 juta dan bagi gaji guru-guru dan kakitangan sekolah sebanyak \$657.14 juta. Bagaimanapun bagi jawatan-jawatan pensyarah, guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah adalah jawatan-jawatan yang perlu dan mesti diwujudkan dan diisi kerana bilangan pelajar-pelajar bertambah dari tahun ke tahun. Ini memerlukan peruntukan tambahan kemudiannya.

Perlu ditegaskan di sini bahawa Kementerian Pelajaran akan menggunakan peruntukan yang akan diperuntukkan dengan secepat dan sebaik mungkin dan bersamasama menjayakan dasar jimat cermat Kerajaan.

Sekarang saya ingin membentangkan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1976 mengikut aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran.

Aktiviti Pentadbiran Am

Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$25.26 juta bagi Belanja Mengurus adalah diperlukan iaitu \$16.72 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$8.54 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1975 sebanyak \$1.98 juta atau 8.5%. Peruntukan yang bertambah itu ialah bagi membayar gaji kakitangan serta kenaikan gaji biasa tahunan, membayar elaun-elaun, juga bagi menampung kenaikan harga barang-barang, perkhidmatan dan bekalan.

Tugas kegiatan dan rancangan di bawah aktiviti ini adalah besar kerana aktiviti ini merupakan penyokong kepada lain-lain aktiviti bagi menjayakan objektif Kementerian ini. Di antara tugas dan kegiatan yang termasuk dan yang akan terus dijalankan ialah memperbaiki, mempergiatkan dan mempercekapkan lagi jentera pentadbiran dengan memberi tumpuan kepada kecekapan kakitangan dalam menjalankan kerja-kerja kecekapan kakitangan dalam menjalan kerja-kerja mereka, meneruskan penyelidikan dan perancangan pelajaran, memperbaiki dan mempercekapkan lagi sistem pengurusan kewangan.

Untuk mencapai kecekapan dalam kerja pada tahun 1976 nanti, seramai 1,500 orang kerani sekolah akan diberi kursus dalam berbagai-bagai aspek yang ada kaitannya dengan kerja-kerja mereka.

Bagi Belanja pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$3.07 juta untuk membiayai tuntutan perjalanan pegawai-pegawai Jabatan Kerja Raya bagi menyelia projek-projek pembangunan bagi Kementerian Pelajaran dan bagi pembayaran kontrek dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi projek Pusat Perkembangan Kurikulum.

Aktiviti Latihan Guru

Tuan Pengerusi, bagi aktiviti Latihan Guru, peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$42.33 juta iaitu \$34.40 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$7.93 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1975 sebanyak \$6.02 juta atau 16.5%.

Aktiviti ini mempunyai tugas yang amat penting dalam menyediakan dan mengeluarkan guru yang terlatih dengan secukupnya bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang pelajaran. Untuk mencapai tujuan itu pada tahun 1976, Kementerian Pelajaran, akan menambahkan bilangan guru-guru pelatih memasuki maktab-maktab perguruan untuk mengikuti kursus-kursus sepenuh masa. Bilangan yang akan diambil untuk menjalani latihan di 14 buah maktab perguruan di Semenanjung Malaysia ialah seramai 7,357 orang. Di samping latihan-latihan di 14 buah maktab perguruan, Kementerian Pelajaran juga, untuk mengatasi kekurangan tenaga guru yang terlatih dan berpengalaman akan membuka 4 buah pusat perguruan sementara iaitu di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kuantan dan Kangar.

Kementerian Pelajaran juga akan meneruskan kursus-kursus dalam perkhidmatan. Kursus-kursus dalam perkhidmatan itu ialah kursus-kursus perguruan asas yang dijalankan dalam masa cuti sekolah bagi guru-guru sementara yang tidak terlatih; kursus-kursus Bahasa Malaysia; kursus-kursus untuk meningkatkan pengetahuan akademik guru-guru matapelajaran-matapelajaran khas. Bilangan peserta yang akan diambil untuk mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan di Semenanjung Malaysia ialah seramai 47,769 orang dan jumlah ini melebihi seramai 16,093 orang dari tahun 1975.

Di Sabah, bilangan guru-guru pelatih yang akan mengikuti kursus sepenuh masa ialah seramai 1,057 orang dan yang mengikuti kursus dalam perkhidmatan seramai 3,618 orang. Bagi Sarawak pula, bilangan peserta yang mengikuti kursus sepenuh masa ialah 1,000 orang dan kursus tiga bulan seramai 20 orang.

Selain daripada kursus-kursus yang dijalankan di maktab-maktab perguruan, rancangan latihan perguruan juga termasuk projek-projek khas seperti projek Sains Pertanian Latihan Perguruan dengan bantuan UNDP di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bahru dan Projek Pendidikan Pra Sekolah dengan bantuan UNICEF di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, Maktab Perguruan Mohd. Khalid, Johor Bahru, Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan Maktab Perguruan Sri Pinang, Pulau Pinang.

Bagi Belanja Pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$10 juta untuk memulakan pembinaan 4 buah maktab perguruan baru yang dibiayai di bawah Pinjaman Bank Dunia Ketiga di samping membina bangunan-bangunan tambahan kepada maktab-maktab perguruan yang sedia ada di Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sarawak, peruntukan yang diperlukan sebanyak \$1.50 juta ialah untuk membina bangunan-bangunan tambahan kepada Maktab Perguruan Batu Lintang, Maktab Perguruan Rejang dan Maktab Perguruan Sarawak. Bagi Sabah pula, peruntukan sebanyak \$0.70 juta adalah diperlukan untuk projek-projek sambungan Maktab Perguruan Kent dan Maktab Perguruan Gaya.

Aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah

Tuan Pengerusi, tugas rancangan aktiviti ini ialah untuk menentukan bahawa mutu pelajaran di sekolah rendah dan menengah mencapai taraf yang tinggi. Untuk mencapai tujuan ini, Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$924.64 juta iaitu \$771.25 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$153.39 juta bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1975 sebanyak \$9.55 juta ataupun 1.04%.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan yang besar di bawah aktiviti ini ialah untuk membayar gaji guru-guru dan kakitangan-kakitangan sekolah. Bagi Semenanjung Malaysia, dari jumlah peruntukan, sebanyak \$657.14 juta ialah untuk membayar gaji guru-guru dan kakitangan sekolah dan asrama, \$6.09 juta untuk membayar gaji kakitangan-kakitangan pentadbiran di Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran dan di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan bakinya sebanyak \$108.02 juta ialah bagi perbelanjaan-perbelanjaan lain iaitu perbelanjaan pemberian bantuan kepada murid-murid di sekolah rendah menengah, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains, sekolah menengah teknik dan vokesyenal, sekolah kanak-kanak cacat, pemberian kepada Lembaga Pusat, Kolej Tunku Abdul Rahman, dan ganjaran kepada guru-guru AMEC.

Dalam masa Kerajaan menjalankan dasar jimat cermat, Kementerian Pelajaran, dengan peruntukan yang akan disediakan nanti, akan terus berusaha memperbaiki dan memper-

lempangkan kemudahan-kemudahan pelajaran di sekolah-sekolah seperti kemudahan makmal sains, tambahan sekolah dan bilik-bilik darjah bagi menampung pertambahan murid.

Bilangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah pada tahun 1976 adalah dijangka meningkat seramai 1,604,410 orang, di sekolah menengah seramai 769,410 orang, di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah-sekolah menengah sains seramai 15,184 orang dan di sekolah menengah teknik dan vokesyenal seramai 14,175 orang. Menyedari hakikat pentingnya pelajaran teknik dan vokesyenal, maka pada tahun 1976, Kementerian Pelajaran akan membuka sebuah sekolah teknik di Kuala Trengganu dan sebuah sekolah vokesyenal di Keluang, Johor.

Di samping kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan yang saya nyatakan tadi Kementerian Pelajaran juga menyediakan bantuan rancangan buku teks sebanyak \$13 juta.

Bagi Belanja Pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$127.29 juta iaitu \$72.56 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$54.73 juta bagi Sarawak dan Sabah.

Peruntukan yang diperlukan bagi Semenanjung Malaysia akan digunakan bagi membiayai projek-projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kedua iaitu menyambung pembinaan bilik-bilik darjah baru, tambahan dan menggantikan bangunan-bangunan sekolah lama, pembinaan rumah-rumah guru di luar bandar dan 2 yunit rumah guru bagi Asrama Khas untuk murid-murid buta di Kuala Lumpur, pembinaan asrama dan bantuan modal kepada sekolah-sekolah bantuan penuh (bukan milik Kerajaan). Di samping itu Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan sebanyak \$7 juta bagi membina 4 buah sekolah menengah vokesyenal dan membeli alat-alat kelengkapan bagi sekolah-sekolah vokesyenal yang ada.

Bagi Sarawak dan Sabah, peruntukan yang akan diperlukan ialah juga untuk membiayai sambungan projek-projek yang telah dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, pembinaan bilik-bilik darjah baru, makmal-makmal sains, makmal sains rumah-tangga, asrama, perkhidmatan talivisyen pendidikan, membeli peti-peti radio bagi

sekolah-sekolah di Sarawak dan bantuan modal kepada sekolah bantuan di Sabah dan pinjaman kepada pengurusan sekolah di Sarawak. Di Sarawak juga, Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan sebanyak \$2.16 juta untuk membina sekolah menengah vokesyenal di Miri dan membeli alat-alat kelengkapan bagi Sekolah Menengah Vokesyenal Sibu dan Sekolah Menengah Vokesyenal Kuching. Di Sabah pula, peruntukan \$3 juta adalah diperlukan bagi menemui perbelanjaan bagi pembinaan 3 buah Sekolah Menengah Vokesyenal di Keningau, Kudat dan Tawau di samping menyiapkan Sekolah Menengah Vokesyenal Sandakan.

Aktiviti Pengurusan Peperiksaan

Peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$7.53 juta yang terdiri dari \$7.05 juta bagi Semenanjung Malaysia dan \$0.48 juta bagi Sabah. Pada tahun 1976 bilangan calon-calon yang akan menduduki dalam berbagai-bagai jenis peperiksaan dijangka seramai 1,012,844 orang dan jumlah ini bertambah seramai 36,000 orang dari tahun 1975.

Aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi

Tuan Pengerusi, bagi Aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi peruntukan yang diperlukan sebanyak \$277.94 juta adalah bagi perbelanjaan-perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi yayasan-yayasan pelajaran tinggi iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Hospital, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian, Instituit Teknologi MARA, Politeknik Ungku Omar Ipoh dan Politeknik Kuantan.

Universiti Teknologi Malaysia memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$11.56 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak \$8.19 juta. *Universiti Teknologi Malaysia* akan menambah pengambilan mahasiswa-mahasiswa baru pada tahun akademik 1976/1977. Bilangan mahasiswa baru yang akan diambil ialah seramai 215 orang di Fakulti Kejuruteraan Awam iaitu terdiri daripada 180 orang mengikuti kursus diploma dan 35 orang kursus ijazah, 155 orang di Fakulti Kejuruteraan Jentera terdiri dari 120 kursus diploma dan 35 kursus ijazah, 182 di Fakulti Kejuruteraan Letrik terdiri dari 153 kursus diploma dan 29 kursus ijazah, 147 orang di Fakulti Alambina terdiri dari 89 orang kursus diploma

dan 58 orang kursus ijazah, 120 orang di Fakulti Ukur terdiri dari 60 kursus diploma dan 60 kursus ijazah.

Bagi Belanja Pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah bagi meneruskan pembinaan bangunan Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Alambina, Bengkel Kejuruteraan, dewan kuliah, asrama-asrama pelajar dan kerja-kerja tapak baru di Johor Bahru.

Universiti Malaya pula memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$37.39 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak \$5.99 juta.

Peruntukan bagi Belanja Mengurus akan digunakan bagi membiayai gaji kakitangan-kakitangan universiti dan perbelanjaan lain bagi universiti itu. Pada tahun akademik 1976/1977, *Universiti Malaya* akan mempunyai seramai 8,594 orang mahasiswa iaitu 2,490 di Fakulti Sastera, 18 orang di Fakulti Pertanian, 1,555 orang di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, 620 orang di Fakulti Pendidikan, 970 orang di Fakulti Kejuruteraan, 750 orang di Fakulti Perubatan, 130 orang di Fakulti Pergigian, 1,850 di Fakulti Sains dan 211 orang di Fakulti Undang-undang.

Peruntukan Belanja Pembangunan sebanyak \$5.99 juta yang diperlukan itu ialah bagi meneruskan pembinaan kompleks Pusat Pengajian Siswazah dan Dewan Kuliah Ketiga Fakulti Kejuruteraan.

Universiti Hospital memerlukan peruntukan sebanyak \$20.20 juta bagi menjayakan tiga rancangan aktiviti iaitu Perkhidmatan Pesakit, Program Khas, dan Program Latihan Hospital. Dalam rancangan program-program tersebut, *Universiti Hospital* akan terus memberi latihan kepada mahasiswa-mahasiswa perubatan dan doktor-doktor di dalam berbagai-bagai jurusan khas dan latihan kejururawatan, jururawat mahir dan teknologi makmal perubatan.

Bagi *Universiti Kebangsaan* pula, peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$22.75 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak \$40 juta.

Dalam tahun 1976, bilangan mahasiswa yang akan mengikuti kursus di *Universiti Kebangsaan* dijangka akan menjadi 3,400 orang iaitu 1,200 orang di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 600 di Fakulti Pengajian Islam, 600 di Fakulti Sains, 200 di Fakulti Perubatan, 600 di Fakulti

Ekonomi dan Pengurusan dan 20 orang di Institiut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.

Peruntukan Belanja Pembangunan bagi Universiti Kebangsaan sebanyak \$40 juta adalah diperlukan bagi meneruskan projeknya di Bangi dan Fakulti Perubatan.

Sejumlah \$18 juta adalah diperlukan bagi Belanja Mengurus dan \$26.80 bagi Belanja Pembangunan bagi Universiti Sains Malaysia. Peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan itu ialah bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan bagi pusat-pusat pengajian di Universiti itu. Bilangan mahasiswa akan bertambah dari 2,986 orang pada tahun akademik 1975/1976 kepada 3,945 orang di berbagai-bagai pusat pengajian universiti itu pada tahun akademik 1976/1977.

Bagi Belanja Pembangunan peruntukan yang diperlukan ialah bagi projek-projek di bawah Geran Persekutuan untuk pembinaan Desasiswa IV, kemudahan-kemudahan sukan dan permainan dan bagi projek-projek di bawah pinjaman Bank Dunia seperti membeli alat-alat dan buku-buku perpustakaan dan pembinaan bangunan Balai Sains Gunaan.

Universiti Pertanian Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$12.2 juta bagi Belanja Mengurus dan \$9.44 juta bagi Belanja Pembangunan.

Peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan itu ialah bagi menjayakan aktiviti-aktiviti universiti itu yang kian berkembang akibat dari pertambahan bilangan mahasiswa. Pada tahun akademik 1976/1977 bilangan mahasiswa yang mengikuti kursus dalam berbagai-bagai peringkat di Universiti Pertanian adalah dijangka seramai 3,466 orang.

Peruntukan Belanja Pembangunan ialah bagi meneruskan projek-projek sambungan seperti bangunan Fakulti Kedokteran Haiwan, bangunan Fakulti Perhutanan, Bengkel Kejuruteraan dan Kampus Cawangan Sementara, Sarawak.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Institiut Teknologi MARA memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$30.30 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak \$24.65 juta.

Bilangan mahasiswa Institiut Teknologi MARA pada tahun 1976 akan meningkat seramai 8,367 orang dan ini merupakan tambahan sebanyak 1,399 orang dari tahun 1975. Bilangan ini juga termasuk mahasiswa yang belajar di kampus-kampus cawangan.

Bagi Belanja Pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah bagi meneruskan projek-projek sambungan seperti rumah Pengetua, masjid, Markah Islam di Shah Alam dan kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis dan Trengganu.

Politeknik Ungku Omar memerlukan peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$2.01 juta. Bagi Belanja Pembangunan, jumlah yang diperlukan ialah sebanyak \$3.45 juta untuk membina sebuah politeknik baru di Kuantan dan bagi menyiapkan Bengkel Kejuruteraan Laut di Politeknik Ungku Omar.

Politeknik Ungku Omar dijangka akan mempunyai 1,368 orang pelajar pada tahun akademik 1976/1977 yang terdiri dari 1,225 orang pelajar peringkat mendapatkan sijil dan 143 orang pelajar peringkat diploma.

Aktiviti Kebajikan Penuntut di Luar Negeri

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diperlukan bagi kebajikan penuntut-penuntut di luar negeri ialah sebanyak \$3.55 juta untuk Belanja Mengurus dan \$0.40 juta untuk Belanja Pembangunan.

Bagi Belanja Mengurus, peruntukan itu akan digunakan bagi membiayai Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia Di Luar Negeri, Asrama-asrama Penuntut dan Penyeliaan Pusat-pusat Penuntut. Kementerian Pelajaran menyedari akan hakikat untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri dan dari tahun ke tahun memperbaiki dan mengadakan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan untuk pelajar-pelajar di seberang laut. Di antara kemudahan-kemudahan itu ialah dengan memberi bantuan kewangan kepada pusat-pusat pelajar dan pada tahun 1976 sebanyak 6 buah pusat penuntut yang baru akan dibuka di United Kingdom iaitu di Glasgow, Birmingham, Manchester, Cardiff, Portsmouth, Leeds termasuk Bradford. Bagi Belanja Pembangunan pula, peruntukan adalah diperlukan bagi menyiapkan asrama putri di Kahirah.

Aktiviti Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan

Peruntukan sebanyak \$31 juta adalah diperlukan bagi aktiviti biasiswa/dermasiswa/hadiah bantuan latihan. Peruntukan ini adalah sama dengan peruntukan tahun 1975 ini. Daripada jumlah ini, \$15.34 juta ialah untuk Biasiswa Kecil Persekutuan, \$5 juta untuk Biasiswa Kelas Persediaan Universiti, \$8.65 juta untuk Biasiswa Guru-guru dan Pentadbiran Pelajaran Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dan yang baki lagi itu adalah untuk biasiswa bagi guru-guru yang dilatih di Universiti Teknologi Malaysia, hadiah bantuan latihan untuk guru-guru dan pentadbir-pentadbir Pelajaran Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah, Bantuan Belajar kepada guru-guru Kerajaan, Biasiswa untuk pelajar-pelajar pra Sains di Universiti Malaya, Sains, Kebangsaan dan Pertanian dan lain.

Aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah

Bagi aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah, jumlah peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$7.26 juta. Aktiviti ini mempunyai rancangan Pelajaran Daerah. Bagi rancangan Perkhidmatan Awam peruntukan diperlukan adalah untuk memberi bantuan kepada Badan-badan, persatuan-persatuan dan kegiatan yang ada kaitan dengan pelajaran. Bagi Pelajaran Daerah pula, peruntukan yang diperlukan ialah bagi memberi sumbangan kepada pertumbuhan antarabangsa dan serantau yang mana Malaysia adalah merupakan salah sebuah negara ahli pertumbuhan-pertumbuhan itu.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan di atas ini, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya buka perbahasan, saya diminta menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan di bawah Kementerian Pelajaran ini mestilah dihabiskan pada hari ini juga. Pada pukul 6.00 petang ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab hujjah-hujjah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tiap-tiap seorang mengambil masa 10 minit

sahaja. Ini bererti kita boleh dapat sekurang-kurangnya 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap pada hari ini.

Tetapi oleh sebab hendak menghindarkan saya mengganggu Ahli-ahli Yang Berhormat mengingat waktu kerana ada yang hilang ilham kerana diganggu, maka apabila sampai masa dua minit lagi hendak habis saya akan ketuk dua kali, bererti jaga, lagi dua minit. Pada ketika itu Ahli Yang Berhormat hendaklah merengskakan ucapan. Dan apabila cukup 10 minit saya akan kata: "berhenti". Maka Ahli Yang bercakap itu hendaklah berhenti, jangan merayu-rayu, memang tidak dapat. Kalau kita tidak kawal dengan tegas macam itu, saya percaya perbahasan ini tidak boleh habis pada hari ini, kerana hari inilah sahaja diberi masa yang panjang sekali, pada hari-hari lain kita terpaksa habiskan dua atau tiga Kementerian sehari.

3.54 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Kepala Perbekalan 23, Pecahan-kepala 1. Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana banyak sekolah rendah telah didirikan di luar bandar. Pada masa dahulu, murid-murid di luar bandar terpaksa dihantar ke sekolah dalam bandar. Tetapi pada masa sekarang banyak kemudahan telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran bagi memajukan taraf pelajaran di sekolah-sekolah luar bandar.

Kita jangan mengeneipkan hakikat iaitu taraf pelajaran dalam sekolah-sekolah luar bandar, khususnya sekolah rendah, tidak sampai darjah atau peringkat yang dikehendaki. Setengah-setengah guru-guru yang berdidikasi dan tekun ditukar dari bandar ke luar bandar telah menghilangkan incentive dan minat untuk mengajar. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan disiplin dalam setengah-setengah sekolah rendah yanguduknya terpencil di luar bandar dan guru-gurunya yang telah lama mengajar di luar bandar itu, mempunyai "tidak apa" attitude misalnya terlewat masuk kelas 10-20 minit dan membiarkan murid-murid itu samada maju atau tidak dalam bahasa Inggeris "leave it to their own fate". Guru-guru yang ditukar dari bandar ke luar bandar bukan sahaja dipengaruhi oleh guru-guru yang tersebut, bahkan takut dan disinclined untuk membuat

kerja dengan bersungguh-sungguh, takut mereka tidak menjadi popular dengan guru-guru lain. Ada setengah-setengah guru luar bandar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah di bandar juga. Namun begitu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki keadaan ini. Jika tidak, ini akan menjatuhkan taraf pelajaran di sekolah-sekolah rendah di luar bandar dan ini juga menentang tujuan dasar Pelajaran. Dan juga di sini saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran bagi pihak guru-guru yang telah mengajar selama 5 tahun atau lebih di sekolah-sekolah luar bandar atau di East Coast; diberi peluang bertukar ke tempat yang disukai oleh mereka dan saya harap kepada pihak yang berkuasa akan adopt satu dasar yang adil.

Kepala P. 23 Pecahan-kepala 7—Latihan Guru

Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengumumkan bahawa di bawah rancangan Malaysia yang Ketiga lebih banyak lagi guru-guru sementara akan diberi peluang untuk memasuki maktab latihan. Izinkan saya mencadangkan iaitu guru-guru sementara yang mempunyai pengalaman lebih daripada 2 tahun diberi tempoh yang tetap, iaitu 4 tahun; dan dalam jangka masa itu mereka akan diberi latihan dan berkecukupan sebagai guru terlatih.

Pada masa sekarang ada lebih kurang 300 orang guru sementara yang berkelulusan universiti kita, tetapi tidak mempunyai Diploma Pendidikan (Diploma of Education). Kebanyakan daripada mereka sedang berkhidmat di East Coast dan mereka telah memberikan banyak sumbangan kepada perkhidmatan pelajaran kita. Saya berharap Kementerian yang berkenaan akan memberi peluang kepada mereka bagi mengambil kursus Diploma yang tersebut, misalnya, memberi cuti satu tahun untuk mereka memperolehi Diploma itu atau memperuntukkan lebih tempat kosong dalam universiti Malaysia kita kepada mereka. Begitu juga, guru-guru kita tidak payah memperolehi Diploma daripada Universiti Singapore atau universiti-universiti asing.

Kepala B. 23 Kepala 4100 Aktiviti (8)—Basiswa

Saya rasa setengah-setengah syarat yang berkaitan dengan Perjanjian Scholarship sangat ketat (stiff). Seperti seorang pelajar yang ditawarkan scholarship untuk kursus perubatan, dia terikat dengan contract sebanyak \$70,000. Kebanyakan pelajar-pelajar itu berasal dari keluarga-keluarga miskin dan hanya bercampur gaul dengan rakan-rakan yang senasib. Bagaimanakah mereka mendapat dua orang penjamin yang mampu bertanggungjawab sebanyak \$35,000 seorang. Dan juga selepas lulus Universiti itu sebagai doktor perubatan mereka terikat dengan perjanjian untuk berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun; dan dalam 10 tahun ini apa-apa boleh berlaku ke atas pemegang scholarship itu. Saya fikir cukuplah mengikut ibubapa pelajar dan pelajar sendiri. Mengapa kita mesti melibatkan orang-orang lain. Tambahan pula, jika sekiranya dia tidak mendapat 2 orang penjamin dia akan kehilangan peluang untuk mengikuti pelajarannya di universiti itu.

Berkenaan scholarship lagi, pelajar-pelajar yang telah ditawarkan scholarship ASEAN setelah lulus SPM/MCE pergi belajar di luar negeri seperti Singapore. Apabila mereka tamat pelajaran HSC dengan scholarship itu, mereka hendak memohon masuk universiti Malaysia, tetapi permohonan mereka ditolak walau pun mereka mempunyai keputusan yang paling baik, seperti 3 atau 4 A1s.

Saya harap pada masa akan datang kelak pelajar-pelajar kita diberi nasihat atau amaran dahulu apabila mereka menerima scholarship ASEAN atau lain, supaya mereka dapat dimasukkan ke Universiti Malaya atau lain-lain universiti di dalam negeri ini setelah mereka tamat pelajaran scholarship ASEAN itu. Pelajar-pelajar itu dan merasa bangga jika mereka diberikan peluang untuk belajar di universiti-universiti tempatan. Kalau tidak, ini akan menjadi suatu kerugian yang besar kerana pelajar-pelajar yang cerdek dan pandai tidak diberikan pelajaran universiti di dalam negara kita, dan saya dapati ada setengah-setengah keluarga boleh dikatakan kaya telah mengadakan 2-3 pemegang scholarship dalam satu keluarga. Saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, scholarship sekarang adalah menjadi status atau simbol bantuan kepada orang miskin.

Menurut kepala P. 23 Pecahan-kepala 11 iaitu Anggaran Yang Dipinda di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua iaitu \$1.5 juta, dan jumlah wang dibelanjakan dalam jangka-masa 1971 hingga 1975 ialah tidak sampai \$4.5 juta. Nampaknya anggaran untuk tahun 1976 hanya sebanyak \$800,000

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, sila duduk.

4.02 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Pengerusi, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari Selasa apabila beliau menjawab pertanyaan mulut. Mengikut beliau penuntut-penuntut di Universiti tempatan ialah seramai 17,002 orang dan antaranya adalah 13,339 yang mengikuti kursus ijazah dan antaranya 7,677, i.e. 58.5% from the Bumiputras; 3,548, i.e. 35.5% from Malaysians of Chinese origin; 650, i.e. 5% Malaysians of Indian origin; and 134, i.e. 1% from students of other races.

(Dengan izin) Now, if you look at this figure of our students studying in the five universities in Malaysia, it cannot be said that the Bumiputra participation is too bad, although I will agree with the Minister that it can be improved. But, Mr Chairman, Sir, the Minister in his reply had added on to this figure another 20,810 as the figure of Malaysian of Chinese origin studying abroad and thereby increasing the figure for Malaysians of Chinese origin to 49.1%. Now, it is stated, and it is quite true, that figures can be slanted to suit anyone. I want to ask the Minister of Education, what are the courses that the 20,810 students are pursuing abroad? I dare say that most of them are Nurses and I dare say they go by the thousands for Secretarial Courses, Courses for Dieticians, Physiotherapists, and the like; and if this figure of 20,810 I dare say also—I stand corrected and I would be grateful if the Minister in his reply can give us a breakdown figure—that not more than 5,000 of them pursue Degree Courses, which means that overall, for Malaysians, whether they study in Malaysia or abroad, the difference is not that big.

Later on, the Minister in his reply had stated that there are 6,119 Science students, of which 2,413 (38.2%) are Bumiputras, 3,548 (56.1%) are Malaysians of Chinese origin and 358 (5.7%) are Malaysians of Indian origin. This, I agree, is a very unsatisfactory state of affairs and I want to ask the Minister—why is this so? The Minister perhaps may not know—or perhaps the Minister knows—that the fault for this unsatisfactory state of affairs lies in the school system. The schools do not produce enough science “graduates” for the Universities to take and therefore the Universities cannot take sufficient Bumiputra students into their science streams and the Universities are reduced to starting pre-science courses, pre-medical courses and the like, which is a waste of public funds, although in this instance I agree that what the Universities have done is the proper thing, that is, to help the Bumiputra students for one further year of science studies in order to enable them to go into Medicine, to go into science proper and the like. I hope that the Ministry or the public at large will not blame the Universities for not taking the requisite number of Bumiputra students into the science disciplines because the fault does not lie with the Universities but the fault lies with the school system.

Now I would like to comment a little on the intake of engineering students into the Faculty of Engineering in the University of Malaya. Here, the figure given by the Minister is 81 Bumiputra students, giving a percentage of 10.1%. This, of course, would mean that the University of Malaya perhaps is not interested in taking Bumiputra students into the Faculty of Engineering. Nothing can be further from the truth. I can speak with first hand knowledge that any Bumiputra student who is qualified is taken in, but the trouble is long before the student goes into the University of Malaya he is given scholarship by various Statutory Bodies, in particular by the L.L.N., and then he goes off to Brighton, to the Imperial College, where perhaps the courses may be easier, and so you are left with the second-raters literally; and even in the case of the second-raters when they go into the Faculty of Engineering, I have known of Deans grumbling to me that “they come here and after one or two weeks they jump to an easier option, i.e. science” so that the University is

not at all to blame for this sorry state of affairs. It is again the school system that does not equip our students to take up science and also the various statutory bodies who deem it more expedient to offer scholarships, which cost far more to the taxpayer to send students abroad. I call on the Minister of Education to enlist his help to get the various statutory bodies to get our students to study in Malaysia for their first degree. What is wrong with our Universities that the children of the Tan Sri's or the rich people or the Ministers should be sent abroad and the places that are available here are not taken up by Malaysians? When you have statistics such as these that are presented where the Bumiputra participation is very low, then of course the public kicks up a hue and cry, not knowing the facts and I hope the Minister will reveal the facts as they are.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, since time does not enable me to give a fuller explanation of the Minister's figures, I want just to say that of course we agree that the Bumiputra participation in our institutions of higher learning should be greater but to make it almost an obsession that the Bumiputras can catch up, I think it is unrealistic because it will mean that, while the Bumiputras are moving forward in order to catch up, the non-Bumiputras must remain static, and that is impossible by the very nature of things. The non-Bumiputras also will have to move forward. You can catch up, but it is the pace at which you catch up that is important. If you want to catch up overnight, I say it is impossible. But if over a period of time, if the Ministry can give us a schedule of five years, 10 years, 15 years, 20 years, then lots of "hati susah" can be eradicated.

Finally, Mr Chairman, Sir, when we debated the Amendment Bill to the Universities and University Colleges Act, I pointed out to the Minister that the Act was open to abuse; and an abuse has taken place. I refer to the appointment of the Dean of the Faculty of Engineering in the University of Malaya. This officer—I have nothing against him and I have not even met him, but I have heard lots of protests from the members of the Faculty of Engineering—admittedly has a Ph.D., but he is on probation

and he has no experience whatsoever. I would hope that the Vice-Chancellor, in appointing a Dean of a Faculty, would listen to the opinions of the Faculty members. But unfortunately I don't think he has done so in the case and he has made this appointment which has caused a great deal of "susah hati," and I am afraid this will lead to a great deal of resignations which are totally unnecessary and this is one of the abuses that can occur with the passage of the Amendment Act

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, sudah terlebih pula.

4.13 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi izin kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan Kementerian Pelajaran yang berjumlah sebanyak \$1,462,867,430. Saya akan menyentuh Pecahan-kepala 4100 Aktiviti (3) Pelajaran Rendah dan Menengah 3 (h) Rancangan Buku-buku Teks, Aktiviti (5) Pelajaran Menengah Atas dan juga jika masa mengizinkan saya cuba menyentuh beberapa Pecahan-kepala lain yang lebih mustahak dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, memandang kepada tujuan-tujuan Kementerian Pelajaran dan meneliti kepada kegiatan-kegiatan di dalam Kementerian ini, maka sewajarnya Kementerian yang bertuah ini mendapat peruntukan yang paling banyak sekali pada tahun hadapan jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan Kementerian-kementerian yang lain. Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah mengawasi polisi dan dasar pelajaran negara kita juga kepada para pegawai dan kakitangan yang melaksanakan dasar-dasar itu dengan penuh tanggungjawab, cekap dan jujur.

Tuan Pengerusi, jika pihak-pihak yang berkenaan menjalankan tugas mereka masing-masing dengan betul dan ikhlas berpandu kepada tujuan-tujuan matlamat Kementerian Pelajaran, maka tidak syak lagi sebuah masyarakat yang bersatu-padu, sebuah masyarakat yang insaf dan makmur akan tiba tidak berapa lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Pecahan-kepala 4100 Aktiviti (3) (a)—Pelajaran Rendah. Peruntukan yang diberi kepada pelajaran rendah pada tahun hadapan adalah sebanyak \$405,063,000 berbanding dengan peruntukan pada tahun 1975 sebanyak \$383,186,074, kelebihan itu sebanyak \$21.8 juta. Ini adalah satu petanda yang baik yang menunjukkan perkembangan kemajuan pelajaran rendah negara kita dalam tempoh setahun.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa Kementerian ini adalah sebuah Kementerian yang telah banyak membawa perubahan-perubahan seperti menambahkan peruntukan per capita kepada murid-murid, mengadakan peruntukan khas kepada mata pelajaran sains, perpustakaan, seni lukis. Ini baru dilakukan oleh Kementerian ini setahun yang lalu, sebelum itu peruntukan yang diberi kepada sekolah rendah hanya berdasarkan kepada murid semata-mata dan kadar pemberian sebanyak \$4 atau \$3.50 kepada seorang murid dan peruntukan sains yang berasingan hanya ada di peringkat sekolah menengah sahaja. Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, bahawa dengan perubahan ini semua sekolah rendah akan mendapat peruntukan sekali ganda banyaknya dari masa setahun yang lalu. Oleh yang demikian, kalau sebelum itu kita dapati setengah-setengah mata pelajaran yang penting seperti ilmu sains di sekolah rendah kurang beroleh kejayaan, maka kita yakin dengan adanya kemudahan alat-alat sains hasil daripada peruntukan pemberian itu ditambah walaupun belum mencukupi, maka sedikit-sebanyak harapan terhadap kemajuan pelajaran sains itu adalah terjamin. Oleh yang demikian, saya menyeru semua guru-guru besar, guru-guru yang berkhidmat di sekolah rendah akan memberi sepenuh tenaga dan perkhidmatan mereka, khususnya saya mengharap supaya keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V akan bertambah maju demi untuk membolehkan dan menjamin murid-murid itu dapat menyambung pelajarannya di sekolah berasrama penuh, sekolah menengah sains atau sekolah-sekolah menengah yang lebih terjamin.

Tuan Pengerusi, mengikut angka yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran jumlah murid-murid sekolah rendah dan menengah termasuk sekolah menengah berasrama penuh adalah lebih kurang 2.4 juta orang murid. Murid-murid ini adalah di-

bawah umur 19 tahun. Ini tidak termasuk bilangan penuntut dan pelajar-pelajar di yayasan pengajian tinggi swasta dan sebagainya. Oleh sebab golongan anak-anak kita ini merupakan kain putih yang boleh di corak-corakan dengan apa-apa warna, maka berkewajipanlah kita membuat persediaan dalam jiwa murid-murid atau anak-anak kita itu dengan jiwa yang sehat, mental yang sehat, mental yang penuh dengan iman dan takwa kepada Allah dan mental yang beginilah yang akan membawa bukan sahaja kejayaan di dalam pelajaran tetapi juga membawa kebaikan hidup di dalam masyarakat dan negara. Ini sesuai dengan salah satu tujuan Kementerian ini hendak mewujudkan tata-tertib yang tinggi dan menanamkan sikap yang betul melalui bidang pelajaran dan kegiatan di luar bidang pelajaran.

Tuan Pengerusi, kita tidak mencukupi dengan hanya membentuk jiwa pelajar-pelajar yang sudah menduduki maktab-maktab atau universiti-universiti sahaja dengan meninggalkan anak-anak kita di bangku sekolah rendah dan menengah, tenaga kita akan rugi dan tidak bererti jika sekiranya kita mahu untuk sekarang dan dua tiga tahun yang akan datang anak-anak kita yang telah remaja, berdisiplin dan berakhlak tinggi, sedangkan pada beberapa tahun yang akan datang umpamanya, 10 tahun lagi, kita terpaksa melatih semua anak-anak kita itu. Sesuai dengan ugama Islam sebagai ugama negara Persekutuan, Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kerajaan hendaklah menumpukan sepenuh-penuh tenaga ke arah ini, istimewa pula Kerajaan kita sekarang akan dan sedang memesatkan pembangunan rohani supaya seimbang dengan pembangunan jasmani. Saya mencadangkan karikulemanya (curriculum) hendaklah diubah untuk membolehkan pengajaran ugama itu diperluaskan dan kalau ini dilaksanakan, maka anak-anak kita akan terhindar dari mental yang tidak sehat dan moral yang rendah. Dan jika anak-anak kita dibangku sekolah rendah dan menengah lagi ditanam dengan jiwa takwa, maka akan muncullah satu masyarakat yang makmur yang tidak melanggar perintah Allah dan Rasul.

Tuan Pengerusi, akhir sekali ada satu perkara yang hendak saya bangkitkan di sini iaitu mengenai pentadbiran di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan. Saya mendapat tahu pentadbiran di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan adalah

kurang memuaskan. Di antara lain saya dapati order atau pesanan bahan-bahan atau alat-alat di fakulti ini seperti bahan-bahan kimia, alat-alat kaca, radas besar tidak dibuat mengikut sepatutnya sehingga pegawai yang berkenaan di Jabatan Micro-Biology terpaksa mencari dan meminjam alat-alat itu dari Pusat Penyelidikan Perubatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Fakulti Sains Universiti Kebangsaan, dan beberapa tempat yang lain lagi untuk membolehkan kelas-kelas practical itu dapat dijalankan pada masanya. Itu pun dilakukan dalam keadaan yang tidak memuaskan. Ini adalah sangat mendukacitakan memandangkan bahawa negara sedang berkehendakan kepada ahli-ahli perubatan bumiputra yang begitu kurang jumlahnya pada masa ini dan jika perkara ini dibiarkan berterusan, maka tidak akan ada ertinya usaha Kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran bertungkus-lumus untuk meimbangkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada lagi dua minit.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Pengerusi, ini adalah sangat mendukacitakan memandangkan bahawa negara sedang berkehendakan kepada ahli-ahli perubatan bumiputra yang begitu kurang jumlahnya pada masa ini dan jika perkara ini dibiarkan berterusan maka tidak akan ada ertinya segala usaha Kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran bertungkus-lumus untuk menseimbangkan bilangan ahli-ahli perubatan dari kalangan bumiputra. Oleh yang demikian, saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam masa-masa ini demi untuk kebaikan Fakulti yang penting ini dan Universiti Kebangsaan sendiri, mudah-mudahan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa perbahasan Jawatankuasa ini saya suka menarik perhatian oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh atau tidak dibenarkan membahaskan soal pokok—soal dasar iaitu membincangkan masalah tiaptiap fasal. Jadi, adalah diminta dengan sungguh-sungguh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum bercakap sebutkan muka surat dan fasal apa. Kalau bercakap soal dasar ialah dalam bacaan yang kedua. Sekarang ini kita membincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa. Jadi bagi dapat

diikuti oleh sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini, sebut sahaja begini. Tuan Pengerusi, muka surat sekian, sub-head 33 bab ini, saya hendak bercakap. Itu baru boleh. Lain kali saya tidak membenarkan lagi Ahli-ahli bercakap fasal dasar. Sekarang ini kita dalam Jawatankuasa. Saya terpaksa membuat langkah-langkah yang tegas sedikit kerana masa kita terlalu suntuk dan semua ahli hendak bercakap.

4.24 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana peluang diberi kepada saya untuk membahaskan Anggaran Belanjawan

Tuan Pengerusi: Sebutkan muka surat berapa dan fasal berapa. Kemudian bercakap dalam tajuk itu sahaja.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran yang berjumlah \$1,462,867,430. Di dalam membahaskan Anggaran Belanjawan ini saya akan menyentuh Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4), muka surat 167 berkenaan dengan Pengerusan Peperiksaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran di dalam masa-masa ini yang telah memperdekatkan sistem pelajaran di sekolah-sekolah Ugama dengan sistem pelajaran kebangsaan. Dengan pendekatan itu membolehkan murid-murid di Sekolah-sekolah Ugama memasuki peperiksaan S.R.P., F.M.C. dan H.S.C. dan membolehkan murid-murid di sekolah-sekolah Ugama melanjutkan pelajaran mereka bukan sahaja di dalam jurusan ugama tetapi di dalam jurusan-jurusan lain juga hingga ramai daripada mereka dapat menjejak ke bangku Universiti dan dapat menjadi pensyarah-pensyarah di dalam universiti bukan sahaja di dalam jurusan ugama. Apa yang saya suka menarik perhatian di sini ialah kalau boleh diperelekkkan lagi perkara ini iaitu berhubung dengan pelajaran ugama di dalam peperiksaan.

Sekarang ini pelajaran ugama di dalam peperiksaan disamakan samada murid-murid yang mengikuti pelajaran ugama itu murid-murid Sekolah Kebangsaan dan murid-murid Sekolah Menengah Ugama, kertasnya satu sahaja dan peperiksaannya

sama. Kalau boleh diuntukkan kepada murid-murid Sekolah Agama itu satu kertas khas di dalam pelajaran agama yang boleh menilai kebolehan mereka itu manakala lulus kelak diiktiraf sebagai satu daripada murid-murid yang berkelayakan di dalam agama. Sekiranya langkah ini dilakukan, satu masaalah yang sekarang ini sulit iaitu untuk menilai murid-murid yang lulus IV Sanawi yang berlainan di antara satu sekolah dengan satu sekolah, di antara satu negeri dengan satu negeri, ini akan dapat disamakan dan boleh diiktiraf sebagai IV Sanawi ialah murid-murid yang lulus di dalam peperiksaan kertas khas agama, di dalam Tingkatan V. Di dalam masaalah ini juga saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan keciciran murid-murid, terutama sekali anak-anak bumiputra di dalam Tingkatan VI. Terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah memberi banyak peluang kepada murid-murid bumiputra untuk mengikuti pelajaran di dalam Tingkatan VI. Peluang begitu banyak diberi, murid-murid yang mendapat pangkat kedua dan pangkat ketiga pun diperuntukkan ke dalam Tingkatan VI. Tetapi sayangnya, manakala mereka itu mengikuti Tingkatan VI dan apabila habis kursus VI Rendah dan VI Atas mereka memasuki peperiksaan mereka dan di dalam peperiksaan itu mereka tidak dapat hendak melanjutkan pelajaran di dalam universiti. Mereka menganggur ataupun tercicir dan mereka balik ke kampung-kampung mengadu nasib mendapatkan kerja. Ini adalah merugikan. Rugi kepada murid-murid itu sendiri kerana keciciran mereka itu menyebabkan mereka rugi dua tahun. Sekiranya mereka memasuki mana-mana Jabatan Kerajaan selepas daripada mereka tamat F.M.C. mereka sudah bekerja lebih daripada dua tahun. Tetapi malangnya, kadang-kadang ramai daripada murid-murid ini manakala mereka gagal di dalam Peperiksaan H.S.C. itu pekerjaan yang didapati ialah untuk memasuki Latihan Guru yang terpaksa memakan masa dua tahun lagi. Bagi murid-murid ini rugi sekurang-kurangnya empat tahun. Rugi pula Kerajaan yang telah membiayai pelajaran di dalam masa mereka mengikuti pelajaran di dalam Tingkatan VI dan juga rugi Kerajaan di dalam menyediakan murid-murid untuk membanyakkan murid-murid bumiputra di dalam jurusan sains. Kalau begitu, pada pendapat saya sekiranya Kementerian Pelajaran membuat satu rancangan murid-murid yang lulus dan

berkelayakan untuk memasuki ke Tingkatan VI itu janganlah dimasukkan ke dalam Tingkatan VI, tetapi diberikan kursus untuk membolehkan mereka selepas melalui kursus ini memasuki terus universiti seperti mana yang diadakan pra-universiti di universiti-universiti yang berkenaan. Kalau langkah ini dilakukan maka boleh menambah bilangan murid-murid dalam jurusan sains.

Selain daripada itu, suka juga saya menyentuh di bawah Pecahan-kepala 1100 di dalam Aktiviti (2) muka surat yang sama iaitu 167 berkenaan dengan Latihan Guru. Berhubung dengan latihan guru ini saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah menerima pada dasarnya untuk menubuhkan satu Pusat Latihan Guru bagi guru-guru agama seperti mana yang tersiar di dalam surat-suratkhabar. Ini telah lama ditunggu-tunggukan oleh masyarakat dan yang telah dilaung-laung oleh masyarakat. Apa yang saya harapkan di dalam perkara ini disegerakan kerana sangat mustahak latihan kepada guru-guru yang mengajar agama. Sebab gejala sudah mula timbul kerana apa saya kata gejala yang timbul, kerana ada di antara guru-guru agama yang saya dengar sekarang masyarakat telah memberi kepadanya satu gelaran dan muridnya sendiripun telah memberi satu gelaran Ustaz "Yengki" kerana latihan ustaz-ustaz ini tidak mencukupi. Ini perkara yang betul-betul berlaku bukan saya hendak tohmah satu-satu golongan, tetapi saya dengar daripada murid-murid sendiri yang memberikan gelaran kepada ustaznya sebagai ustaz "yengki". Kalau perkara ini berlanjutan maka masaalah pendidikan rohani tidak dapat di jalankan dengan sepenuhnya dan kalau perkara ini terus berlanjutan maka amat mendukacitakan. Maka dengan sebab itu saya katakan pembinaan Pusat Latihan Perguruan bagi Guru-guru Agama itu mestilah disegerakan, kerana kita mahu guru-guru agama menjadi pemimpin rohani di dalam masyarakat di sekolahnya yang ditaati oleh murid-murid dan disegani oleh rakan-rakan guru-guru serta dapat kehormatan daripada masyarakat di sekeliling sekolahnya. Dengan tidak ada latihan yang baik, maka sudah tentu tidak dapat mencapai kejayaan yang memuaskan. Berhubung dengan latihan itu juga saya suka menyentuh dan mengucapkan terima kasih sebagai seorang dari Perlis, kerana Kementerian Pelajaran telah mengadakan satu pusat latihan di negeri Perlis

buat sementara satu bangunan telah dipinjamkan. Apa yang saya harapkan manakala satu bangunan yang tetap akan diadakan, pemilihan tapak bagi mengadakan Pusat Latihan Guru-guru itu hendaklah dipilih betul-betul tempat yang sesuai, kerana negeri Perlis itu negeri yang duduk di ulu sangat, bukanlah satu bandar. Kalau sekiranya tempat itu diletakkan di tempat yang tidak sesuai, jauh daripada pekan, jauh daripada perhubungan, maka ini saya percaya tidak dapat memberikan kesan yang baik kepada guru-guru yang mengikuti latihan ini. Oleh yang demikian, berkenaan dengan tapak yang akan disediakan itu hendaklah dicari tapak yang sesuai dan menasabah dengan keadaan dan indah pula kedudukannya seperti mana kejayaan yang telah diberikan oleh ITM di dalam pemilihan tapak di Perlis adalah satu tapak yang sesuai. Bagi Pusat Latihan itu saya harap macam itu juga kalau boleh sepertimana kejayaan yang telah dicapai oleh ITM.

Akhir sekali saya menyentuh Pecahan-kepala 4100 Aktiviti (3) Pengajaran Ugama Islam di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Di dalam masalah ini saya berani mengatakan kemajuan di dalam pelajaran agama sangat-sangatlah lembab samada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah. Saya tidak tahu apa sebabnya yang sebenar. Mungkin sebab-sebabnya itu adalah kurang perhatian daripada pihak yang berkenaan di Kementerian, mungkin juga disebabkan oleh kurang bilangan pegawai-pegawai agama yang bertugas di dalam Kementerian dan mungkin juga tidak ada tenaga dalam Lembaga Penasihat yang ditubuhkan untuk menasihatkan Kementerian Pelajaran dan mungkin juga kurang tenaga pegawai-pegawai yang dipertugaskan berhubung dengan pelajaran agama Islam di Kementerian Pelajaran.

4.35 ptg.

Tuan Patrick anak Uren (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah P. 23 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa Yang Berhormat perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini kena sebut fasal apa, tidak boleh bercakap soal dasar. Jadi, Ahli Yang Berhormat sekarang bercakap muka surat berapa?

Tuan Patrick anak Uren: Muka surat 167— Pentadbiran Am. Tuan Pengerusi, pada satu lawatan Menteri Pelajaran Sarawak, belum lama pada tahun ini beliau menyatakan bahawa murid-murid sekolah di Sarawak tidak payahlah patuhi matapelajaran Inggeris, kerana murid itu keluar dari bangku sekolah akan balik ke kampung dan pelajaran Inggeris itu tidak akan sesuai dengan kehendak dan keadaan kampung dan desa. Kata beliau bahasa Malaysia akan memudahkan mereka mencari kehidupan di tempat masing-masing. Sebaliknya, di Semenanjung ini kita telah dengar beberapa pemimpin negara menyatakan bahasa Malaysia sekarang dianggap sebagai transition period atau translation period kerana kekurangan buku teks dikeluarkan oleh orang-orang tempatan. Tuan Pengerusi, kenyataan yang berbeza demikian, saya bertanya apakah sebabnya dan apakah tepukan soal ini di negeri Sarawak juga dari segi bahasa. Tuan Pengerusi, bahawa parti SNAP sudah mengemukakan sikap dan dasarnya terhadap dasar pelajaran di Sarawak menurut Perlembagaan dan Lapuran Inter-Governmental Committee. Kami pasti bahawa tindakan Kerajaan selama ini adalah menurut syarat-syarat itu. Saya hanya mahu penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengenai perkara yang saya sebutkan tadi. Bahawa parti kami juga sudah menyatakan dan membuktikan pendiriannya dalam soalan bahasa di Council Negeri di Sarawak bila satu usul mengenai bahasa dikemukakan pada mesyuarat itu pada tahun lalu, tidak perlu saya masa ini mengemukakan lagi.

Apa yang saya suka sentuh di sini dalam masa yang sempit ini adalah pihak SUPP sebagai parti yang mendukung Barisan Nasional yang sudah mengambil kesempatan di atas dasar pelajaran dan pihak itu di bawah usaha Ahli Yang Berhormat dari Padawan telah bergiat di Sarawak mengutip derma dan menggalakkan pelajaran bahasa China menjadi matapelajaran di negeri itu. Boleh jadi perbuatan ini adalah taktik untuk menarik undi daripada golongan China yang menolak beliau di dalam pilihanraya umum yang sudah. Tetapi Parti SNAP fikir bahawa itu boleh mengakibatkan keraguan di kalangan rakyat di atas dasar Kerajaan. Satu parti yang mendukung Kerajaan Barisan Nasional membuat kenyataan yang berlainan

daripada dasar am Kerajaan adalah mendukacitakan dan menimbulkan soalan bahawa menjadikan mereka ini "hunting with the hound and running with the hare at the same time". Saya serulah kepada pihak Kementerian berkenaan dan pihak SUPP supaya mereka buat kenyataan yang tertentu mengenai dasar Kerajaan di Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya mohon juga kepada Kementerian ini supaya mentadbirkan pelajaran negeri Sarawak secara istimewa mengikut keadaan dan keperluan rakyat di negeri itu. Sekarang sudah tidak ada lagi peperiksaan Darjah VI dan sudah ramai murid-murid belajar sampai Form III. Ini memerlukan banyak asrama untuk murid-murid daripada luar bandar dan juga memerlukan bilik darjah ditambahkan dan bangunan sekolah baru dibina untuk menempatkan murid-murid. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bahawa Kerajaan ini kini boleh dikatakan sudah maju dan berkelayakan memandangkan peruntukan yang besar kepada Kementerian ini dari segi menempatkan murid-murid yang sebilangan besar.

Apa yang mendukacitakan ialah dengan bertambahnya sebilangan besar murid-murid ini menimbulkan masalah sosial di kalangan murid-murid, ialah murid-murid dari kawasan luar bandar buat pertama kalinya berkumpul di asrama yang besar dan di sekolah-sekolah dekat bandar melibatkan diri mereka dalam pelajaran baru dan suasana yang baru. Lagipun bilangan murid-murid yang bertambah ini memerlukan guru-guru mengajar pada waktu pagi dan waktu petang kerana kekurangan tempat duduk dan kekurangan guru-guru. Boleh jadi guru-guru ini sudah bekerja lebih daripada kemampuan mereka dan taraf pengajarannya pun boleh jadi turun. Keadaan ini sudah terbukti pada tiap-tiap tahun sebilangan kecil yang dapat lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran di Sarawak. Sekolah-sekolah yang didirikan di luar bandar ataupun di bandar kecil keadaannya lebih buruk lagi dan makin kecil bilangannya yang lulus dalam peperiksaan sekolah rendah. Kalau kita bandingkan dengan bilangan yang lulus di dalam Peperiksaan Darjah Enam dahulu tidak ada berbeza, hanya satu perbezaan sahaja iaitu murid-murid yang keluar dari bangku sekolah itu sudah menjadi dewasa.

Tuan Pengerusi, mereka ini sudah dewasa dan sudah tinggal di dalam suasana sekolah dekat bandar dan mereka rasa tidak elok lagi

pulang dan bekerja di kampung-kampung. Antara mereka ini sebilangan besar yang pergi ke bandar untuk mencari pekerjaan dan kehidupan yang lain. Mereka yang pergi itu tidak cukup pelajaran, tidak ada pengalaman dan sudah dewasa tetapi belum cukup dapat menjaga dirinya dan ramai yang sudah menjadi mangsa bright light. Laki-laki bekerja menjadi buruh kasar dan gadis-gadis mencari kerja yang senang. Pada masa di sekolah menengah mereka tidak cukup belajar untuk membezakan apakah "ya" atau "tidak" dan ramai daripada mereka ini sudah tertipu dan sudah menjadi mangsa atau victim of exploitation of vice.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara yang sedemikian bukan hendak membuang masa Dewan ini, saya bukan juga semata-mata hendak meletakkan kemarahan ke atas bahu Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri, tetapi kerana saya memandang kemerosotan yang berat di dalam pelajaran murid—muda-mudi kita dan menitik-beratkan bahawa penglibatan mereka yang menjadi mangsa itu akan menjadi masalah sosial yang besar. Saya pun sudah bangkitkan perkara ini untuk menarik perhatian Kementerian Pelajaran, sebab saya percaya kalau kita hendak mencegah kemerosotan itu hendaklah dimulai dari bangku sekolah lagi. Masalah begini mungkin terus ada di semua negara yang sedang membangun, tetapi kemerosotan ini melibatkan muda-mudi dari luar bandar yang kebanyakannya, saya takut nanti quality muda-mudi kita yang dianggap sebagai tiang negara dan harapan bangsa tidak dapat memainkan peranan yang diyakinkan. Oleh sebab fahaman saya sedemikian, saya meyeru kepada Kementerian mengadakan satu mata-pelajaran baru di Tingkatan Satu dan Lima, iaitu farm and household economics, mementingkan keadaan tanah yang luas di Sarawak. Saya faham juga bahawa sudah ada sekolah menengah di sekolah di luar bandar mengajar animal husbandary and vegetable planting sebagai practical, tetapi saya rasa ini tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa kebanyakan murid-murid dari bangku sekolah yang pergi mencari kehidupan di bandar adalah antara mereka yang tidak dapat membandingkan ekonomi kehidupan di situ dengan apa yang mereka akan dapat jika tinggal di kampung-kampung dan desa. Misalnya, seorang dapat \$100 sebulan dari pekerjaannya di bandar tetapi wang itu juga

akan digunakan bagi membayar sewa bilik, dhobi, tambang pengangkutan dan lain-lainnya tidak akan sama jika mereka tinggal di kampung dan buat pekerjaan cucuk tanam.

Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan apa yang saya maksudkan dengan farm and household economics yang saya cadangkan supaya Kementerian ini menggalakkan di sekolah menengah di Sarawak buat tempat khas kepada murid-murid yang datang dari kawasan luar bandar supaya dapat menggalakkan mereka apabila keluar dari bangku sekolah kelak dapat menjaga dirinya sendiri dan asaskan kehidupan mereka kepada tanah mereka yang luas itu.

Daripada angka tiap-tiap tahun sejak dasar pelajaran baru ini sudah bertambah bilangan yang tidak lulus di dalam sijil rendah Sarawak. Ini menambahkan bilangan pengangguran, demikian juga mengakibatkan masalah sosial dan jika dibiarkan sahaja akan bertambah buruk lagi keadaannya, terpaksa tiang negara dan harapan bangsa kita menjadi mangsa pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya suka menyeru Kementerian Pelajaran ini dan tumpukan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri supaya kurangkan kesulitan di kalangan murid-murid dari keturunan Dayak di Negeri Sarawak antara mereka yang lulus di dalam HSC ataupun LCE dan dari sekolah menengah di situ yang bilangannya kecil yang hendak masuk ke universiti tempatan ataupun di luar negeri supaya mereka yang pandai ini akan menjadi stimulus kepada murid-murid lain di dalam darjah bawahan supaya ada maknanya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

4.45 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 170, Kepala B. 23 Pecahan-kepala 4100, Aktiviti (5) Pelajaran Menengah Atas/Tinggi.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa?

Tuan K. Pathmanaban: Muka surat 170. Tuan Pengerusi, saya percaya kita semua bersetuju bahawa pelajaran dan latihan mempunyai peranan yang penting dalam Dasar Ekonomi Baru, khususnya untuk membekalkan

tenaga rakyat dalam berbagai lapangan untuk mencapai tujuan-tujuan, untuk mencapai racial balance dalam Dasar Ekonomi Baru itu. Oleh yang demikian, saya fikir dan saya bersetuju adalah betul untuk Kerajaan mengambil berat tentang hal pelajaran ini dan melatih pemuda-pemudi Malaysia daripada segala kaum untuk mencapai keadaan yang seimbang antara kaum dalam lapangan pekerjaan. Di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris juga.

Latihan dan pelajaran adalah satu pelaburan yang penting dan biasa yang dibuat oleh semua keluarga-keluarga dan ibu-bapa, samada kaya ataupun miskin untuk anak-anak mereka dan untuk mereka sendiri. Oleh yang demikian, memang benar rakyat Malaysia memandang dan menyuarakan dengan penuh harapan dan perasaan mengenai peluang yang sedia ada ataupun sebaliknya yang tidak diberi untuk pelajaran anak-anak mereka. Dalam pelaksanaan polisi untuk menyempai perimbangan enrolment dalam pelajaran, kita haruslah ingat bahawa ini dibuat dengan persefahaman dan penuh sensitif kepada perasaan-perasaan di kalangan ibu-bapa dan penuntut-penuntut juga. Kita perlulah memahami tujuan-tujuan dasar kita dan time horizon untuk mencapai dasar dan tujuan itu dan apakah keperluan negara pada amnya dan keperluan sesuatu kaum dalam negara ini. Kita perlu juga ingat bahawa tujuan kita ialah untuk mencapai tujuan perpaduan-negara dan bukannya perpisahan atau hostility atau alienation di antara kaum-kaum yang duduk kekal di Malaysia.

Kita semua mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah tiga hari dahulu memberikan angka-angka kepada Dewan ini mengenai enrolment di institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam negara dan di luar negara kita.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, the statistical perspective which the Honourable Minister provided to this House the other day, I think, is a very important guideline which, I am sure, he would have in mind in making policy intervention in respect of enrolments in higher education for which we provide increasingly large amounts of money every year. The interventions, Sir, I believe, are now being made with these statistical perspectives in mind and, I believe, will continue to be made with these statistical perspectives.

But I am afraid, Sir, that his hope that the provision of those statistics will settle once and for all the persistent questions that are being raised on this matter may not be fully realised because I think, Sir, we have to be clear as to what the facts are. I think, Sir, the examination will take some time and I hope more discussions with the Honourable Minister will lead us to a situation where we can agree on all the facts.

It is not clear, Sir, for instance, and it is certainly not true, that all the 31,900 students overseas that he mentioned are pursuing courses of higher studies or even pursuing any courses of study at all. Australia, New Zealand and the United Kingdom are the traditional suppliers of the bulk of our science and technology manpower from overseas. The Honourable Minister has told us that a mere 1,217 private students are engaged in the science and technology disciplines in these three countries. Similarly, Sir, it can be easily agreed that the great bulk of the non-Bumiputra students overseas are private students and if they are not in these main disciplines of science and technology, they are, likely to be in one of the following three categories:

The first category would be students pursuing a variety of sub-professional and craft-type courses such as nursing, of whom I am sure there are large numbers in the United Kingdom and Australia, secretarial studies, catering and so many other courses, or merely finishing secondary schools, as many parents seem to want their children to do.

The second category would be students who are engaged in law and accounting or commercial studies. The number involved in these cannot be more than three or four times the number of those engaged in science or technology.

The third category consists of students who have dropped out for various reasons from the universities or colleges or whatever institutions they attended and now work as odd-job workers—waiters, cooks, tourist guides, clerks, and so on.

Apart from these, I think there must be only a few hundred of our private students in the United States or Canada and elsewhere in view of the vast expenses involved in these countries. The remainder, apart from

these, if I may call them, Western countries, are outside of Australia, New Zealand, United Kingdom, Canada and U.S.A. It is undeniable, Sir, that other than medical studies or engineering, few other courses which our students pursue in these other countries are recognised in this country by the public or private sectors. These then cannot clearly be counted as degree-holders or qualified manpower for the purpose of the racial balance calculation that we make or to determine policy and to base the policy interventions in our higher educational institutions from time to time. These students who are not recognised or who will not come back or who will only come back with sub-professional or below that level of qualification, cannot very obviously upset the balance in the supply situation of graduates that we seek to achieve over a long term in this country through the process of quotas and preferences that we apply to our institutions of higher learning.

All in all, Sir, I would say that there could be more than 50% of the 26,000 non-Bumiputra students overseas who are within the scope of our calculation for the purposes of determining what the admission policy ought to be in our local universities and colleges. It would, to my mind, in this situation, be highly dangerous to unduly raise the Bumiputra enrolment here to compensate for a supposedly higher enrolment of others in overseas institutions. This, to my mind, will be a highly difficult problem, and I hope the comments that I have made will be understood in this light. But I have absolute faith and conviction that there is a very clear need for Bumiputra students to be given preferential admission in almost all Faculties in our Universities and Colleges. Without such preferential admission, it is unlikely that sufficient Bumiputra candidates can be found for enrolment purely on merit, particularly for the science and technology courses in view of the very great weaknesses that they suffer in their educational environment, in their educational preparation, particularly in science and mathematics subjects lower down in the school system. This is a matter which I hope will be tackled as vigorously as the application of preferential admission and the various incentives and scholarships and so on that are provided to achieve, in the more immediate term, some greater degree of balance in our institutions

of higher learning. But I think in determining the actual weightage to be given, two factors at least must be borne in mind,

The first of these is that I do not think we can long sustain a situation where three of our five Universities keep their enrolment virtually closed to non-Bumiputras and also exercise more than a 60% quota or nearly a 60% quota on enrolment for Bumiputras in the remaining two Universities. This has the undesirable effect, I think the Honourable Minister will agree with me, of keeping out large numbers of fairly bright non-Bumiputra students while admitting large numbers of

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat.

4.55 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan dalam Kepala B. 23, B. 24, Kepala P. 23, Pecahan-kepala 1, 2, 8, 13, muka surat 172, 173 dan 174.

Setelah menilik Anggaran Perbelanjaan peruntukan tahun 1976 bagi Kementerian Pelajaran dan mendengar penerangan daripada Menteri Pelajaran sebentar tadi, maka tidaklah dapat dinafikan bahawa peruntukan yang sebanyak ini akan dibelanjakan dengan begitu matang kepada tujuan hendak mengukuh dan mewujudkan corak pelajaran yang bermutu. Satu daripada tujuan itu ialah hendak membetulkan ketidak-seimbangan di dalam pelajaran melalui pembahagian sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan yang lebih saksama. Saya pasti pembahagian yang dimaksudkan ini ialah kerana ada jurang perbezaan yang melebar masih kedapatan di antara sistem-sistem pelajaran di dalam bandar dengan luar bandar. Sekiranya jurang perbezaan ini tidak diambil pusing untuk menutupi saya percaya dasar pelajaran negara ini untuk memberi pelajaran yang seadil-adilnya kepada seluruh rakyat tidak kelak akan dapat dibuktikan tetapi tidak akan dapat dicapai dengan sepenuhnya walaupun hasratnya lahir dan keupayaan dibuktikan tetapi ketidak-puasan hati masih berleluasa.

Kementerian telah meneruskan usaha dan kerja dalam pembinaan bangunan sekolah-sekolah yang baru, yang bercorak lebih selisa untuk kanak-kanak di luar bandar, guru-guru diberi latihan yang secukup-cukupnya dengan

kelengkapan pelajaran setimpal pula dengan tangga gaji yang tinggi. Apakah rakyat berpuashati dengan segala pemberian yang diatur dengan kebijaksanaan Kementerian? Kepada rakyat yang hidup di bawah naungan demokrasi berparlimen hasrat mereka adalah membumbung tinggi, mengharapkan segala nikmat perubahan dan kebahagiaan dapat diciptakan dengan secepat-cepatnya.

Di dalam masa seluruh guru-guru menuntut tangga gaji yang baik beberapa tahun dahulu mereka mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada rakyat, pemimpin-pemimpin parti besar dan kecil menyuarakan fikiran dan hasrat mereka hendak melihat supaya keadaan taraf hidup dan tangga gaji guru-guru ini diperbaiki supaya anak-anak iaitu bakal pemimpin bangsa di masa hadapan akan kelak mendapat pelajaran yang baik daripada satu golongan cerdik pandai yang hidup lumayan dan berpuashati. Perjuangan kepada matlamat ini telah dicapai melibatkan wang negara yang banyak diperuntukkan kepada pembayaran gaji sahaja. Hari ini rakyat menggulung kembali sokongan mereka itu dahulu. Apakah hasil yang mereka pula dapati daripada perubahan-perubahan besar itu? Mereka ingin hendak melihat anak-anak mereka mendapat pelajaran yang cukup sempurna bagi menjaminakan perubahan nasib mereka di masa hadapan. Itulah yang menjadi tanda tanya kepada mereka di tempat-tempat perjumpaan ramai, di dewan-dewan mesyuarat kampung, majlis-majlis kenduri, di kaki-kaki lima kedai-kedai kampung, mereka tidak ingin hendak melihat perubahan tentang kemewahan tiap-tiap guru mempunyai motokar, mempunyai villa ataupun bungalow tetapi mereka menggantungkan harapan seolah-olah mati hidup bangsa semata-mata di tangan para pendidik yang diberikan secukup-cukup senjata hari ini.

Saya ingin membuat syor di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kementerian sudi kiranya menekan semua Guru-guru Besar di luar-luar bandar dengan apa cara sekalipun tinggal di kampung-kampung atau di kawasan-kawasan sekolah itu sendiri. Saya memohon peruntukan untuk pembinaan rumah-rumah guru di luar-luar bandar iaitu sebanyak \$1.7 juta yang telah disediakan itu ditambah lagi untuk menyegerakan pembinaan rumah-rumah Guru Penolong di luar bandar. Oleh kerana sistem yang terdapat di dalam peraturan kerja di dalam Kementerian Pelajaran pada hari ini banyak rumah Guru-guru Besar

dan rumah-rumah guru yang dibina di luar bandar tinggal kosong dan ada guru-guru yang berulang alik hingga 100 batu jauhnya daripada sekolah ke rumah masing-masing tiap-tiap hari. Apakah ini menandakan satu kemajuan dalam sistem pelajaran negara pada hari ini. Rakyat di kampung yang bingung dan jemu dengan perubahan dunia memikirkan keadaan perbuatan yang semacam ini adalah merugikan anak-anak mereka. Hari ini dunia persekolahan adalah hanya masa anak-anak itu masuk ke sekolah waktu pagi dan kembali ke rumah jam 2.00 petang ataupun daripada jam 2.00 petang dan kembali ke rumah pukul 6.00 petang. Untuk guru-guru bergaul dengan anak-anak ataupun masyarakat sudah tidak ada lagi sebagaimana di zaman yang lampau yang dahulunya guru-guru itu menjadi sebagai sendi kepada masyarakat di kampung atau di sekolah-sekolah. Ibu bapa hanya dapat mengenali guru kepada anak-anak mereka hanya di sekolah sahaja. Adakah keadaan yang merenggangkan perhubungan guru-guru dan masyarakat ini patut dibiarkan berterusan. Saya katakan lagi sekali, Guru-guru Besar patut sekali diwajibkan tinggal di rumah-rumah guru yang disediakan oleh Kerajaan ataupun di dalam kampung di mana sekolah mereka berada dan kerana itulah saya harus menekankan Kementerian patut membina rumah-rumah guru lebih banyak lagi di luar bandar dan ini tentu akan dapat menolong mengurangkan masalah peri kejatuhan mutu pelajaran anak-anak Melayu di kampung-kampung. Rakyat telah banyak berkorban untuk meninggikan taraf gaji guru-guru dan hari ini sudah sampai masanya rakyat menagih hutang mereka dan guru-guru pula harus memikirkan untuk berbuat sesuatu sebagai membalas budi rakyat.

Perkara yang kedua ialah pembinaan asrama dan saya percaya Kementerian telah bersungguh-sungguh untuk hendak melengkapkan semua kehendak sekolah-sekolah khasnya di luar-luar bandar bagi menampung kekurangan dan kepincangan masalah ini. Saya bersetuju bahawa Kementerian tentu tidak dapat memenuhi semua hasrat dan kehendak itu tetapi dapat menjalankan sepenuh usaha. Sekolah-sekolah Menengah di luar bandar khasnya di kawasan-kawasan seperti di Kedah berkehendakkan pembinaan asrama-asrama dengan segera. Keadaan ibubapa dan kemelesetan hidup adalah sendi-sendi yang mendesak supaya Kementerian menumpukan tugas ini dilaksanakan dengan seberapa cepat. Saya syorkan kalau keadaan mendesak dan

pihak Kementerian mendapati kekurangan tenaga dan sebagainya dalam tujuan hendak menjalankan pembinaan asrama-asrama ini dengan selengkapnya maka Kementerian harus menggalak dan memberi bantuan kepada pihak P.I.B.G. di Sekolah-sekolah Menengah yang mempunyai hasrat untuk hendak menjalankan asrama bersendirian yang disewakan di rumah-rumah kampung ataupun pekan-pekan. Dengan cara-cara ini kepincangan yang seringkali berlaku di kalangan penuntut-penuntut yang tinggal berjauhan daripada sekolah itu dapat diatasi. Satu usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak Kementerian dengan meminta kerjasama dengan pihak P.I.B.G. harus disegerakan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengesyorkan juga supaya pihak Kementerian dapat berfikir untuk mengadakan unit-unit latihan tentera di tempat-tempat pengajian tinggi seperti di ITM, ITK, UK ataupun UM dan lain-lainnya seperti yang dibuat di Boys' Wing di Military College, kerana latihan seperti ini adalah memberi makna kepada pembinaan peribadi pemimpin-pemimpin di masa hadapan untuk menjamin kestabilan pemikiran manakala mereka kelak mengambil alih pentadbiran negara. Rancangan ini pernah disuarakan pada satu waktu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam masa yang tidak lama dahulu.

Tuan Pengerusi, bagaimanapun saya harus menghormati seluruh kakitangan Kementerian dan Jabatan Pelajaran dan guru-guru kerana selama ini mereka telah bersungguh-sungguh tegak berdiri menjalankan tugas-tugas dengan baik untuk menunaikan cita-cita bersama.

5.05 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh perbelanjaan Kementerian Pelajaran yang dibentangkan sebentar tadi yang berjumlah lebih daripada \$1,400 juta. Dalam hal ini saya suka menyentuh Kepala B. 23 dan juga P. 23. Yang pertama berkenaan dengan Kepala B. 23, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4) Pengurusan Peperiksaan.

Kita selalu mendengar bahawa apabila tiba masa peperiksaan bermacam-macam kes yang berlaku. Baharu-baharu ini kita dengan lagi kecurian kertas peperiksaan. Ini saya rasa merupakan satu perkara besar. Kalau sekiranya pihak Kementerian atau Kerajaan tidak dapat mengawal kertas peperiksaan dengan

rapi dan setiap kali berlaku peperiksaan berlaku juga kebocoran maka kita bimbang rakyat tidak percaya atau tidak menghormati peperiksaan itu kelak. Jadi, saya suka mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang sungguh-sungguh berat tentang kertas peperiksaan ini, kalau perlu beri kawalan polis. Kita ada polis, kita ada ramai polis hutan, kita ada Rela yang boleh minta kerjasama dan tenaga mereka untuk mengawal setor-setor yang ditempatkan atau disimpan kertas peperiksaan itu cuma dalam masa beberapa minggu sahaja, bukan lama.

Jadi, oleh sebab kecuaiannya kita tidak memikirkan rakyat boleh berbuat sesuatu, maka kita biarkan kertas peperiksaan dalam setor dan baharu-baharu ini berlaku di Kemaman dipecahkan setor itu. Jadi pada masa akan datang Kementerian mestilah menggunakan anggota polis untuk mengawal kertas peperiksaan ini dalam setor-setor.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan hal penuntut-penuntut di luar negeri. Sepertimana kita tahu ramai penuntut-penuntut kita di luar negeri, dan telah berlaku baharu-baharu ini perkara yang tidak diingini iaitu nampaknya penuntut-penuntut di luar negeri ini luar daripada kawalan kita. Tetapi saya minta supaya perkara-perkara yang anti-nasional tidak akan berlaku lagi dan Kementerian hendaklah membuat peraturan yang sangat ketat dan lebih ketat daripada apa yang hendak difikirkan ataupun mengadakan undang-undang bahawa penuntut-penuntut luar negeri yang terlibat dengan anti-nasional ini supaya boleh dipanggil pulang, walaupun barangkali Kerajaan tidak membelanjai mereka itu. Kita letakkan peraturan kalau sekiranya mereka pergi ke luar negeri untuk menuntut dan membuat sesuatu perkara yang anti-nasional, men-cerca Kerajaan kita dan sebagainya, kita boleh memanggil mereka pulang dengan tidak payah tunggu habis persekolahannya.

Menyentuh berkenaan dengan buku teks, kita tahu banyak sangat ibubapa bersungut bahawa buku teks tidak cukup ataupun apabila sampai masanya hendak cari buku teks tidak ada. Inipun satu perkara yang boleh merosotkan pelajaran. Kadang-kadang kita dengar sebuah sekolah sampai bulan Mac atau bulan Mei buku teks masih tidak sampai, sebab percetakannya belum siap dan Kementerian menjawab buku itu belum sempurna dicetak ataupun lambat dalam percetakan

ataupun sesuatu yang berlaku kepada pencetak menyebabkan urusan buku itu lambat disiapkan. Saya harap perkara ini boleh ditentukan sekurang-kurangnya setahun lebih dahulu. Apabila sekolah hendak dibuka awal Januari tahun 1977 maka sepatutnya dalam tahun 1976 buku-buku itu sudah siap dicetak, bahkan dalam bulan Ogos atau bulan September sudah dihantar ke sekolah-sekolah, bukan menanti bulan Disember atau bulan Januari baharu hendak hantar ke sekolah. Akhirnya dalam hal pembahagian buku-buku itu memakan masa tiga bulan, oleh itu murid-murid bersekolah dengan tidak ada buku teks. Kadang-kadang ibubapa yang mampu hendak beli pun tidak ada buku dalam sektor di sekolah-sekolah. Jadi ini adakah satu ikhtiar, iaitu mestilah mengambil masa awal atau mengambil masa setahun untuk percetakan, sebab Kementerian sudah tahu apa buku yang hendak digunakan untuk tahun yang akan datang. Tidak ada sebab yang boleh menjadikan kita lambat mendapat buku-buku itu kalau kita menguruskannya lebih awal.

Mengenai Pembangunan Kepala P. 23, saya hendak menyentuh berkenaan dengan pelajaran sekolah menengah terutama sekali dalam bahagian sains sekolah menengah atas khususnya berhubung dengan hal kelemahan mata pelajaran sains pelajar-pelajar bumiputra. Baharu satu dua hari ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi kita satu kenyataan bahawa mengikut kenyataannya itu sesungguhnya kalau sebagai seorang bumiputra amat menyedihkan. Selama ini kita memikirkan pelajar-pelajar kita dapat juga bertanding dengan pelajar-pelajar yang bukan bumiputra dalam pelajaran sains tetapi keputusannya cuma tidak sampai 6% anak-anak bumiputra duduk dalam Kelas-kelas Sains atau lulus matapelajaran sains atau duduk dalam Kelas Menengah Atas Bahagian Sains. Ini sungguh mendukacitakan.

Jadi, saya minta supaya Kementerian Pelajaran membuat sesuatu usaha yang bersungguh-sungguh menyasiat di mana kelemahan pelajaran sains anak Melayu. Adakah kerana otaknya tidak menerima sains sebab dia orang Melayu. Adakah sebab kekurangan alat, atau tempat belajar tidak sempurna ataupun gurunya tidak memberi pelajaran yang cukup kepada bumiputra. Atau berlaku sebarang diskriminasi dalam pelajaran sains.

Saya tidak mahu menimbulkan perkara perkauman di sini, sebab perkara perkauman tidak boleh menyelesaikan masalah kelemahan pelajaran sains anak-anak kita. Tetapi buktinya ada. Banyak ibubapa bersungut anak-anak kita di sekolah-sekolah Kebangsaan dalam bahagian sains cukup lemah. Perkakas tidak cukup, minta dari Kementerian beberapa lama tidak sampai, tetapi sekolah-sekolah yang di bandar terutama sekali di aliran Inggeris semuanya lengkap, semuanya sedia, tidak pernah peruntukannya tidak cukup.

Pernah guru-guru besar ini bersungut: inilah nasib Sekolah Menengah Kebangsaan dalam bahagian sains minta perkakas tidak sampai. Jadi, bagaimana kelas sains itu hendak baik. Saya tidak mahu hendak menuduh tetapi oleh sebab banyak guru-guru sains itu bukan daripada bumiputra, tolonglah perkara ini disiasat sedikit. Adakah sesuatu permainan yang tidak baik dalam kelas-kelas sains. Kalau kita menyemak dalam sejarah pelajaran sains di sekolah-sekolah kita setiap anak Melayu didiskriminasi; daripada zaman penjajahan 150 tahun dahulu anak Melayu didiskriminasi dalam pelajaran. Sampai zaman merdeka bertemu lagi dengan hal-hal yang semacam ini iaitu anak-anak kita pernah kita dengar dulu, anak-anak Melayu tidak boleh masuk kelas sains. Pergi berjumpa Guru Besar waktu hendak memilih masuk ke kelas sains dahulu ketika peraturan di kuasai oleh Guru Besar atau Principal, apa jadi? Anak-anak Melayu yang hendak berjumpa untuk masuk ke kelas sains di halau balik. Orang-orang Melayu tidak boleh belajar sains—bodoh. Apabila Kementerian Pelajaran mengambil alih peraturan itu barulah sempurna sedikit iaitu pelajar-pelajar yang hendak masuk ke kelas sains itu ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan. Bukan dari Guru Besar lagi. Dengan peraturan itu barulah boleh menolong anak Melayu di kelas sains. Tetapi adakah pelajaran sains itu sampai ke hari ini sempurna? Masih kita pernah dengar sungutan bahawa layanan kepada anak-anak Melayu di kelas sains tidak memuaskan. Apabila ke peringkat universiti tidak mendapat pertolongan, anak-anak Melayu di kelas Sains tidak dapat nasihat dan tidak dapat bimbingan langsung. Orang-orang yang bukan Melayu mendapat layanan yang baik, mendapat nasihat daripada guru-guru sains yang berganda-ganda lagi menyebabkan kelasnya maju. Adakah perkara ini

masih berlaku dalam sekolah-sekolah? Saya minta Kementerian Pelajaran mengawasi. Ini bukan satu tuduhan yang melulu tetapi minta diawasi kerana Kementerian ada Inspectorate.

Kalau boleh Bahagian Inspectorate itu tidak usahlah pergi semak sekolah-sekolah rendah sahaja, meneliti cara-cara cikgu mengajar, tidak betul tulis angka, tidak betul pakaian, tidak betul duduk di atas bangku. Pergilah siasat bagaimana pengajaran di sekolah menengah dalam bahagian sains. Mengapa sekolah-sekolah menengah bumi-putra tidak maju dan begitu lemah. Dapatkan kenyataan-kenyataan. Ini satu kerja yang besar yang kena dilakukan. Saya harap kenyataan Kementerian Pelajaran dua tiga tahun yang akan datang dapat perubahan iaitu peratus itu akan naik. Kalau sekiranya anak-anak kita betul-betul lemah jalankan tindakan.

Tuan Pengerusi: Satu minit lagi Ahli Yang Berhormat.

Tuan Embong bin Yahya: Baik, Tuan Pengerusi. Saya hendak menghabiskan satu minit ini menyetuh berkenaan dengan hal guru-guru. Oleh sebab saudara saya telah menyebutkan soal guru, saya cuma hendak menambah lagi, iaitu Kementerian Pelajaran patut mengadakan satu sistem iaitu kalau boleh menambah, dan memberi elaun khas kepada guru-guru yang kena bertukar ke luar-luar bandar. Saya rasa Kerajaan tidak rugi. Kepada yang kena dua tiga tahun sekali giliran bertugas diluar bandar ada elaun khas mereka boleh dapat. Saya rasa dengan cara begitu menjadi satu tarikan kepada guru-guru untuk pergi berkhidmat di luar bandar selain daripada persiapan rumah-rumah dan sebagainya.

Penghabisannya, saya hendak menyentuh sedikit iaitu satu perkara yang tidak baik yang berlaku dalam pelajaran kita hari ini. Anak-anak kita terdedah kepada bahaya penyalahgunaan dadah. Ini juga satu peperangan yang kita kena hadapi. Tidak tahulah bagaimana caranya barangkali Kementerian sendiri tentu ada dalam fikiran guru-guru dan pegawai-pegawainya bagaimana hendak memerangi bahaya dadah datang ke sekolah-sekolah kita terutama sekali anak-anak Melayu. Lima puluh enam puluh peratus anak-anak Melayu yang terlibat. Saya rasa dengan kerjasama guru-guru dan pegawai-pegawai sekolah dapat

dihindarkan daripada bahaya dadah yang telah menempuh begitu kencang kepada anak-anak kita.

Saya rasa kalau sekiranya kita kalah dalam peperangan ini, maka segala rancangan kita untuk membina satu masyarakat yang maju ataupun masyarakat yang begitu baik pada masa yang akan datang akan gagal. Anak-anak kita yang akan datang begitu lemah dan menjadi belia yang tidak berguna kepada negara dan bangsanya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah habis.

5.15 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh di bawah Kepala B. 23 muka surat 167 di bawah Pecahan-kepala 1100, 1200 dan 1300 meliputi semua aktiviti yang ada di dalam Kementerian Pelajaran.

Buat permulaannya saya suka mengingatkan Kementerian yang berkenaan bahawa Kementerian Pelajaranlah yang menerima banyak sekali peruntukan wang pada tahun 1976. Adapun wang ini hendaklah dilaksanakan dengan baik serta munafaat untuk rakyat semua.

Latihan Guru-guru, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2)

Saya mengalu-alu di atas menambahkan lagi Maktab-maktab Perguruan di negara kita ini. Adapun bangunan-bangunan yang patut disambung atau diperbaiki di Maktab-maktab yang sedia ada hendaklah dilaksanakan dengan segera apabila wang peruntukan ini telah diluluskan. Pelbagai-bagai kelengkapan dan kemudahan-kemudahan kepada guru-guru semasa di Maktab hendaklah disegerakan agar latihan-latihan dapat berjalan dengan lancarnya.

Rumah-rumah Guru Luar Bandar, muka surat 173 Pecahan-kepala (8)

Tuan Pengerusi, pada tahun 1976 ini Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak \$1,700,000 untuk membina rumah-rumah guru di luar bandar.

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan peruntukan wang \$1,700,000 juta ini. Walau bagaimanapun, saya rasa ada kemungkinan wang sejumlah ini tidak mencukupi untuk menjalankan projek ini. Ada-

pun guru-guru di luar bandar kebanyakan mereka menyewa rumah dan lagi rumah yang mereka sewa itu jauh daripada sekolah tempat mereka bertugas. Seringkali kita ter-baca di akhbar bahawa guru-guru berulang-alik ke sekolah dengan menaiki bot atau sampan. Saya berharap pelaksanaan untuk membina rumah-rumah guru-guru berham-piran dengan sekolah hendaklah disegerakan supaya masa dan tenaga mereka dapat di-tumpukan kepada pelajaran anak-anak kita.

Kepala B. 23 Pecahan-kepala 4100 9 (f) muka surat 171

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di sini berkenaan dengan buku-buku ilmu pe-ngetahuan untuk kegunaan sekolah-sekolah. Saya harap Kementerian Pelajaran dapat menimbangkan semua sekolah-sekolah Malaysia hanya menggunakan satu buku sahaja bagi semua sekolah. Sekarang sekira-nya ada di antara murid-murid bertukar daripada sekolah ke lain sekolah bersamaan darjah, maka bukunya berlainan daripada sekolah-sekolah asal murid itu datang.

Seperti mana penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada masa yang lampau bahawa guru besar sekolahlah yang diberi mandat untuk memilih mana-mana buku yang sesuai untuk sekolahnya. Oleh kerana perkara ini dibuat memandangkan tidak hanya seorang sahaja pengarang yang memonopoli karangannya, jadi apa yang saya suka tekankan di sini yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita di sekolah. Oleh yang demikian, saya syorkan kepada pihak Kementerian ini supaya mengkaji semua perkara yang saya katakan ini.

Satu perkara lagi yang saya suka katakan di sini ialah berkenaan dengan buku-buku teks. Pada tiap-tiap tahun buku-buku teks ini ditukar, saya harap pihak Kementerian dapat menukarkan buku-buku teks ini tiap-tiap empat tahun sekali. Di dalam bahan bacaan umum buku-buku yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tidak banyak dan lagi harganya terlalu mahal, mutu bahasa dan juga bahan-bahan yang dimuatkan ke dalam sebuah buku tidak begitu menggalakkan kepada pembaca-pembaca, juga kamus-kamus yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tidak begitu lengkap dan memuaskan untuk dibuat rujukan kepada penuntut-penuntut dan juga kita sendiri. Apa yang saya harapkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa

hadapan supaya setiap buku yang hendak dikeluarkan untuk bacaan orang ramai dan juga kepada pelajar-pelajar biarlah buku-buku tersebut bernilai dan memuaskan.

5.22 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Diizinkan.

Tuan Oh Keng Seng: (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I am glad to be given this opportunity to participate in the debate.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, muka surat berapa?

Tuan Oh Keng Seng: P. 23, Pecahan-kepala

Tuan Pengerusi: Kepala P. 23, muka surat berapa?

Tuan Oh Keng Seng: Aktiviti (1) dan (2), muka surat 167.

Tuan Pengerusi: Perbincangan ini dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Oh Keng Seng: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendaklah merujuk kepada tiap-tiap perkara yang ada tercatat di dalam Buku Anggaran Belanjawan, 1976 bagi Kementerian Pelajaran, bukan kita membahaskan soal polisi atau dasar. Jadi bila Yang Berhormat berbincang dalam masaalah ini kena merujuk kepada bahagian apa? Dan tumpukan ucapan di atas Kepala Kementerian yang berkenaan.

Tuan Oh Keng Seng: Terima Kasih, Tuan Pengerusi. Saya belum sampai kepada Pecahan-kepala itu.

I am glad to be given this opportunity to participate in the debate on the allocation for the Ministry of Education amounting to \$1,030.4 million for operating expenses and \$204.5 million for development and \$227.9 million for Jabatan Pelajaran Sarawak and Sabah—all these allocations for the year 1976 for the Ministry of Education would amount to \$1,462.8 million—and now I wish to comment on the following.

I would refer to Kepala P. 23, Pecahan-kepala 8, Rumah-rumah Guru Luar Bandar. It is noted that the allocation under this heading for the year under review is \$1.7 million. This, in my opinion, is grossly insufficient because of the fact that there is a serious shortage of quarters prevailing in most rural areas at this juncture. Teachers posted to rural areas, especially those in the East Coast of West Malaysia, should be given quarters to settle down. Otherwise it will be an extra problem to them to find private accommodation elsewhere in an environment which is new to them and if teachers serving in rural areas were to stay out, the problem of transport arises and additional transport charges will have to be incurred. Most of the existing quarters in rural areas are in a dilapidated condition and some of them are unfit for human occupation and still there is no effort made on the part of the Ministry to renovate these quarters. I am told that each year when the school headmasters submit estimates requesting money to renovate teachers' quarters, more often than not these requests have been turned down because the Ministry has not got enough funds. The Ministry's policy is to encourage more teachers to serve in the rural areas so that the wellbeing of the rural people could be raised through education. This is well and good, but in order to achieve this objective, first and foremost, it is the prerogative of the Ministry to see that the teacher's personal problems, such as living quarters and transport, should be solved so that he or she would devote more time to teaching rather than on solving personal problems. If outstation teachers serving in rural areas are provided with decent quarters, I am sure they would not feel home-sick and think of transfer back to teach in their home State. This is the minimum incentive that the Ministry should provide. I would, therefore, urge the Minister concerned to look into this problem of shortage quarters faced by the teachers serving in rural areas and try to overcome it as soon as possible by channelling more funds into these areas.

Mr Chairman, Sir, now I would like to touch on the bantuan modal kepada sekolah-sekolah bantuan penuh (bukan milik Kerajaan). Dalam tahun 1976 peruntukan sebanyak \$800,000 adalah disediakan bagi memenuhi pemberian bantuan sebanyak 50% kepada sekolah rendah dan menengah

bantuan penuh yang bukan milik Kerajaan di Semenanjung Malaysia, whereas in 1975 \$1.5 million was provided for partial assistance on a dollar-to-dollar basis to the primary and secondary fully-assisted schools (non-Government owned) in Peninsular Malaysia for implementing their projects, although I do not know how much was actually spent. There are hundreds of fully assisted primary and secondary schools in West Malaysia and it is only fair that more money should be channelled to this area but instead the allocation has been reduced. Why? I hope the Minister will be able to explain. This year, I am told, there are many applications for capital grants by these fully -assisted primary and secondary schools, for the construction of new class-rooms or science laboratories or other facilities to cater for increasing enrolment and replacing dilapidated school buildings, but most of these applications are either delayed or totally rejected. Only a few lucky ones may be granted and out of which not all are given on the basis of a dollar-to-dollar. If you ask for \$100,000 allocation to build some new class-rooms, you may be considered lucky if the Minister grants you \$10,000. I wonder whether the Ministry is aware that there is a general dissatisfaction prevailing in the schools, and I hope the Minister will look into this matter. It has become a total frustration for these fully-assisted schools and today they exist in name only; they have to find their own money to construct new class-rooms for science laboratories and other facilities. I do not have to go very far to look for examples. The Chin Woo National-type Primary School of Petaling Jaya is one of the examples. Here the school asked for money to construct new class-rooms to cater for increasing enrolment as the existing ones are inadequate. At first the Ministry promised 50% of the amount required for the construction but ended up by giving only a token sum.

Mr Chairman, I would like to touch on Pecahan-kepala 1—calling, for construction of new schools at MAHA and SEA Park, Petaling Jaya. Mr Chairman, at MAHA there is a population of over 10,000 people staying there without a primary school and parents send their children five or six miles away to attend the nearest school. This has caused hardship and inconvenience to the parents who are mostly workers in factories in Shah Alam and Petaling Jaya and they earn less

than \$200 a month. It is not very safe to send school going children five or six miles away in view of the increasing traffic problem in Petaling Jaya. I would, therefore, call on the Minister to build a new primary school at MAHA so that the school going students can attend schools at a walking distance and save the parents the transport charges and the worries. The Government should also consider to build a National-type Primary School in or around SEA Park, Petaling Jaya, in view of the fact that Petaling Jaya is now a fast growing satellite town and the population increases plus influx of migrants has converted Petaling Jaya into a congested area where 80% of the population are Chinese.

At present there is only one National-type Primary School (Chinese) in the whole area of Petaling Jaya, and every year there are about a thousand school-going children who could not get places to study in Primary I in the Chin Woo National-type School. The parents' wishes will be to send their children to receive education in their mother tongue language but because they could not get their children admitted to the Chin Woo National-type Primary School, they are forced to send their children to the National Schools in Petaling Jaya or to National-type Schools far away in Kuala Lumpur. I, therefore, submit that this is contrary to the wishes of the parents, and it is also against the objective of the Government's policy of improving the education system both in its quantitative and qualitative aspects by not providing adequate facilities for increased enrolment at all levels occasioned by the increased population. I hope the Minister, who is so concerned with the welfare of the people, will seriously consider including the construction of a new National-type Primary School in Petaling Jaya to meet the wishes of most Chinese parents who want their children to first receive their mother tongue education.

Sir, I now come to Kepala B. 23, Kod . . .

Tuan Pengerusi: Ada lagi satu minit sahaja, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Oh Keng Seng: Ya, Our Party note with interest the latest series of meetings between the Honourable Minister of Education and the representatives of the United Chinese School Committee Association of the

Federation of Malaysia and the United Chinese School Teachers' Association, who represent more than 3,000 units of the registered Chinese organisations in the country. This dialogue or meeting or "tea with the Minister", as you may call it, is most significant. And here I would propose that more such meetings or dialogues should be held regularly, not so much for the purpose of having tea with the Minister, but, more important, so that the Minister personally will have a deeper and better understanding of the problems of Chinese education in the country. Also, on the other hand, such meetings will provide an opportunity

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup!

Tuan Oh Keng Seng: Satu minit lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan!

5.33 *ptg.*

Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya turut sama menyokong di atas Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran yang telah dikemukakan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya akan tumpukan ucapan saya di bawah Kepala B. 23, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) dan Kepala B. 24, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (3).

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada Sarawak sudah menyentuh berkenaan kekurangan facility di bidang pelajaran di kawasan luar bandar, dan saya hanya ingin menyentuh bahawa keadaan kekurangan ini sudah lebih ternyata selepas sahaja dasar pelajaran baru dikenakan di negeri itu untuk menyelaraskan sikap pelajaran di seluruh negara. Di samping Kerajaan menyediakan kemudahan supaya murid-murid dapat sekurang-kurangnya belajar sampai Form III banyak kemudahan yang berkaitan untuk murid-murid adalah dikehendaki. Kini bilangan murid-murid yang keluar dari Darjah VI masuk ke Form I adalah besar di semua daerah supaya tidak payah dihantar murid-murid itu pergi ke sekolah yang berjauhan dalam daerah-daerah bagi menjimatkan belanja dan kurangkan kesulitan. Tuan Pengerusi, adalah baik di cadangkan membuat bangunan-bangunan sekolah di merata-merata daerah. Apa yang saya mahu ialah supaya

kita bukan sahaja mengadakan bangunan-bangunan sekolah untuk menempatkan murid-murid ini bahkan bahawa kemudahan yang luas supaya pelajaran-pelajaran itu dapat memperluaskan fahaman dan fikiran mereka terus diadakan supaya murid-murid ini nanti keluar daripada bangku sekolah dan mampu mereka menjadi tiang negara dan harapan bangsa.

Tuan Pengerusi, saya contohkan ialah seperti guru-guru yang layak dan kelengkapan sains dan suasana yang elok untuk guru-guru melibatkan diri mereka bertugas di luar bandar. Seperti Sekolah Menengah di Simunjan jalanraya yang menghubungkan sekolah ini dengan pekan Simunjan adalah buruk dan daerah itu sendiri hanya dapat dilawati melalui air sungai sahaja dan terpaksa pegawai-pegawai pelajaran dan guru-guru tidak rasa suka bertugas lama di tempat yang begitu dan oleh kerana itu guru-guru selalu ditukarkan mengikut permintaan mereka dan pelajaran murid-murid adalah terganggu. Saya mohon kepada Kementerian supaya berikan incentive kepada guru-guru yang berkelulusan universiti supaya mereka mahu berkhidmat di Sekolah-sekolah Menengah di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala B. 24, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Latihan Guru, di muka surat 175. Saya suka sentuh di samping ini bahawa di negeri Sarawak amnya di Simunjan khasnya guru-guru yang belum berlatih di Maktab Perguruan yang sudah bertugas lama, kadangkala ada yang lebih dari 10 tahun. Saya berpendapat bahawa jika mereka itu belum di latih mereka boleh diberhentikan sebaik sahaja sudah ada guru-guru yang keluar daripada Maktab Perguruan yang akan menggantikan mereka. Maksud saya ialah masa hadapan untuk mereka ini adalah tidak baik dan jika dibiarkan sahaja mereka ini yang sudah diberi lebih setengah daripada umurnya untuk bertugas sebagai seorang guru akan menimbulkan perasaan yang tidak puashati di kalangan mereka. Tuan Pengerusi, saya mohon kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan kesulitan ini supaya semua guru-guru yang lama mengajar adalah dengan harapan mereka itu terjamin bahawa masa hadapannya tidak terganggu dan ditugas mereka akan dilakukan dengan sesungguhnya untuk murid-murid di bangku sekolah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.40 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, dalam menyokong rayuan Kementerian Pelajaran bagi memperoleh bantuan di bawah Kepala B. 23 yang berjumlah sebanyak \$1,234,079,030. Di sini saya suka menyentuh mengenai Kepala B. 23, Pecahan-kepala 1100 dan juga Kepala P. 23, Pecahan-kepala 20 dan 21, muka surat 174.

Di sini sukalah saya memberi pendapat di atas satu dua perkara iaitu berkenaan dengan Instituti Teknologi MARA. Tujuan utama Kerajaan menubuhkan I.T.M. ini supaya dapat melaksanakan latihan dan pelajaran yang sempurna untuk matlamat bumiputra di dalam bidang perdagangan, iktisad, sains dan teknologi. Dengan cara ini akan dapat menambahkan lagi bilangan bumiputra di dalam bidang pengajian tinggi, perusahaan dan perdagangan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan kita telah mengadakan Bahasa Kebangsaan. Di sekolah-sekolah seperti Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan lain-lain bahasa penghantar yang digunakan ialah Bahasa Kebangsaan. Pada tahun 1982 yang akan datang semua penuntut akan masuk ke universiti menggunakan bahasa penghantar Bahasa Kebangsaan bagi semua kursus. I.T.M. telah ditubuhkan untuk menolong penuntut-penuntut bumiputra supaya mendapat pelajaran tinggi dan mempunyai kelulusan yang baik. Kebanyakan daripada penuntut-penuntut ini telah gagal untuk masuk ke universiti. Oleh kerana semua pelajaran di I.T.M. diajar di dalam Bahasa Inggeris maka ramai penuntut-penuntut bumiputra yang berkelulusan tidak dapat masuk ke I.T.M. oleh kerana mereka telah memulakan pelajarannya di Sekolah Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, setahu saya I.T.M. tidak ada membuat apa-apa persediaan untuk menukarkan bahasa penghantar kepada Bahasa Kebangsaan, sedangkan universiti telahpun berbuat demikian. Inikah caranya I.T.M. hendak menolong penuntut-penuntut dari luar bandar yang kurang bernasib baik dan yang mendapat kelulusan professional dan apakah pula tindakan Kementerian Pelajaran di atas masalah ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi masaalah ialah mengenai dengan guru-guru. Ramai guru-guru sekolah kita yang mempunyai kelulusan universiti tetapi amatlah susah untuk mendapatkan superscale sehingga sampai 8-10 tahun pun mereka belum lagi mendapat superscale, sedangkan mereka ini dikehendaki menjalani latihan guru di universiti selama 4 tahun iaitu termasuk setahun belajar bagi mendapatkan diploma. Tetapi sebaliknya Pegawai Pentadbir Diplomatik P.T.D. mereka ini menuntut di dalam universiti selama tiga tahun sahaja dan tidak berapa lama mereka bekerja sudah dapat S.A.O. dan juga superscale. Saya rasa pihak Kementerian Pelajaran mestilah mengambil berat dalam hal ini supaya tidak akan terdapat lagi guru-guru kita yang berqualified berhenti dan mencari pekerjaan yang lain yang lebih memuaskan hati seperti mana yang terjadi pada hari ini.

Tuan Pengerusi, dalam Dasar Ekonomi Baru, tujuan Kerajaan kita ialah untuk membasmikan kemiskinan dan jurang perbezaan di antara kaum hari ini. Sepatutnya Kementerian Pelajaran hari ini mengambil berat berkenaan dengan dasar Pelajaran yang mana pada hari ini Kementerian Pelajaran telahpun mengambilalih I.T.M. Mengapakah tidak pula pihak Kementerian Pelajaran mengambilalih institusi-institusi pengajian tinggi yang ada di negara kita hari ini seperti Kolej Tengku Abdul Rahman dan lain-lain supaya tidak dikatakan Kerajaan pada hari ini tidak mengambil tahu mengenai dengan sistem pelajaran di sekolah-sekolah swasta.

Akhir sekali, mengenai dengan Guru-guru Besar. Apa yang terdapat hari ini ialah perkara mengenai Guru-guru Besar di Sekolah-sekolah Rendah ini sudahpun selesai tetapi bagi Guru-guru Besar di Sekolah Menengah belum lagi selesai. Saya berharap supaya Kementerian Pelajaran dapat mempercepatkan lagi masaalah ini.

5.45 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran sukalah saya mengambil bahagian di bawah Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) dan (5), muka surat 167.

Tuan Pengerusi, masaalah mutu pelajaran di luar bandar sama sahaja keadaannya dengan apa yang telah dikatakan dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Di sini sukalah saya mengambil

kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kementeriannya yang telah begitu berusaha dan berjaya mendapatkan peruntukan yang begitu besar. Oleh itu, saya mengambil kesempatan dan merayu sungguh-sungguh kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya menumpukan sepenuh-penuh perhatian kepada sekolah-sekolah di luar bandar seperti Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah. Keadaannya saya percaya memang telah dimaklum benar-benar oleh Yang Berhormat Menteri dan Kementerian yang berkenaan di mana mutu pelajaran di luar bandar ini sudah sepatutnya diperbaiki dan dibawa tarafnya sama dengan keadaan sekolah-sekolah yang ada di bandar ini.

Kita masih lagi mendengar suara daripada orang-orang kampung yang mengatakan mungkin ada diskriminasi atau mungkin Kementerian Pelajaran tidak begitu mengambil perhatian berat berkenaan dengan keadaan sekolah-sekolah di luar bandar. Pada hari ini telah sepenuh tahun kita di dalam zaman pembangunan tetapi masih lagi terdapat murid-murid yang menumpang belajar di bawah rumah orang kerana kekurangan bilik darjah dan lambatnya didatangkan sekolah tambahan dan masih lagi ada sekolah-sekolah buruk yang boleh membimbangkan ketenteraman guru-guru dan murid-murid belajar di sekolah itu. Di bandar matapelajaran sains hebat dengan kemudahan dan kelengkapan tetapi di luar bandar masih jauh kekurangan dan mutunya tidaklah begitu memuaskan. Dengan keadaan inilah saya menekankan supaya Kementerian Pelajaran, terutama sekali Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya pada tahun yang akan datang dan begitu juga dalam Rancangan Malaysia Ketiga memperbanyakkan peruntukan di luar bandar. Bagi di dalam bandar ini, kalau boleh, ditanggungkan dan banyakkkanlah peruntukan itu ke luar bandar supaya mereka di sana berpuashati dan tidaklah cuma berconfident di bandar sahaja dan kurang berconfident di luar bandar iaitu di kampung.

Berkenaan dengan keadaan guru-guru yang seringkali kita dengar tidak begitu bertanggungjawab kerana meninggalkan kawasan sekolah dan cuai mengajar dalam mata-pelajaran dan sebagainya, di sini suka saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya dapat berusaha membantu mereka itu mendapatkan rumah. Kalau ada perumahan yang didirikan oleh badan-badan yang lain

atau oleh Kerajaan Negeri maka diharapkan Kementerian ini mengambil inisiatif bagi membantu guru-guru itu mendapat rumah yang baik dan berminat duduk dalam kawasan itu. Di luar bandar tidak ada rumah yang begitu sesuai untuk mereka duduk dan mereka terpaksa mencari rumah yang sesuai dan jauh daripada sekolah itu. Ini boleh menolong mereka itu hampir dengan sekolah dan aktiviti-aktiviti luar dapat dijalankan di kawasan sekolah itu.

Keduanya, rasa saya Kementerian ini patutlah mengadakan satu dasar iaitu memberikan arahan kepada guru-guru besar sekolah supaya dapat mengadakan majlis dailog dengan wakil-wakil tempatan, wakil-wakil (PIBG) dan lain-lain bagi menggalakkan dan memperbaiki perkembangan persekolahan dan matapelajaran di tempat itu. Dengan cara ini rasa saya hubungan rapat daripada sekolah dengan ibubapa dapat diperbaiki atau dilayan dengan begitu memuaskan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan facilities sekali lagi saya tekankan supaya Kementerian benar-benar dapat mencukupkan kepada sekolah itu untuk murid-murid dapat pelajaran dengan begitu baik dan tidak terganggu.

5.52 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, di sini saya menyentuh Kepala B. 24 Pecahan-kepala 1100 di muka surat 175 Aktibiti 1 (a), 2 (a) dan 3 (a) bagi negeri Sarawak. Pentadbiran Am di Sarawak sekarang adalah di bawah jagaan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak untuk segala urusan yang berkaitan dengan pelajaran di seluruh negeri Sarawak.

Saya juga sukacita mengetahui ramai lagi guru-guru akan diberi latihan mengajar termasuk juga mengambil kursus di dalam Bahasa Kebangsaan samada di negeri Sarawak sendiri ataupun di Semenanjung ini. Ini adalah satu langkah yang baik dibuat oleh Kementerian ini supaya guru-guru di semua sekolah di negara kita ini benar-benar mempunyai kebolehan mengajar yang lebih cekap lagi.

Mengenai sekolah-sekolah rendah Kerajaan yang bertaburan di seluruh negeri Sarawak sebagai cendawan tumbuh itu semenjak Sarawak 12 tahun merdeka di dalam Malaysia

yang tidak boleh disangkal lagi adalah terbukti bagaimana hasrat Kerajaan untuk memberi pelajaran, didikan yang sempurna kepada rakyat berbilang kaum dan kepercayaan di negara kita ini. Saya merayu kepada pihak berkenaan tentang keadaan sekolah-sekolah rendah yang tertentu di kawasan hulu seperti di daerah saya yang belum lagi mencukupi kelengkapan yang cukup seperti bangku, meja dan sebagainya untuk murid-murid belajar serta juga bangunan yang lapuk termasuk rumah kediaman guru-guru di situ diharap diambil perhatian dengan segera.

Tuan Pengerusi, berpindah kepada P. 4 Pecahan-kepala 5, muka surat 182 bagi pelajaran Teknikal dan Vokesyenal yang mana di Sarawak mendapat sebanyak \$2,160,000 yang bertambah hampir separuh daripada peruntukan 1975. Dengan kelebihan peruntukan ini saya rasa pelajaran teknik dan vokesyenal dapat diperbesarkan lagi berserta dengan alat perkakas yang moden supaya murid-murid yang mengikuti pelajaran di situ dapat pengetahuan yang lebih berkesan daripada masa-masa yang lepas.

Di zaman pembangunan seperti keadaan negara kita sekarang sudah tentu banyak berkehendakkan pemuda-pemuda yang mempunyai pelajaran di bidang teknik dan vokesyenal supaya sejajar dengan langkah Kerajaan kita memajukan rakyat ke arah berdikari. Di sini ingin juga saya mencadangkan supaya di sekolah vokesyenal atau sekolah-sekolah menengah mahupun sekolah-sekolah rendah diberi pelajaran pertanian asas bagi memberi semangat kepada pemuda-pemuda kita lebih suka berusaha di bidang pertanian, sesuai dengan keadaan negeri Sarawak sebagai negara pertanian yang sedia menunggu untuk diusahakan oleh anak negeri itu sendiri.

Di Bahagian Pecahan-kepala 7—Pelajaran Talivisyen di muka surat 182 yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,900,000 ini adalah satu pembangunan baru di bidang pelajaran di dalam negeri Sarawak yang tidak pernah termimpi oleh rakyat di sana pada masa dahulu. Syukurlah sekarang negeri Sarawak tidak lagi dianggap sebagai negeri hutan.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, dengan memandang betapa beratnya tanggungjawab Kementerian Pelajaran di masa ini, ingin saya mengemukakan cadangan supaya ditambah lagi seorang Timbalan Menteri Pelajaran yang sepatutnya dari ahli negeri Sarawak mahupun Sabah supaya seimbang dengan

tugas berat Kementerian ini. Saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran bagi Mengurus dan Pembangunannya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran atas peruntukan yang lebih kepada negeri dan rakyat Sarawak.

5.58 *ptg.*

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon kebenaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris di samping berucap dalam bahasa Malaysia. Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang Kepala B. 23 muka surat 167 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—General Administration, (3) Lower and Secondary Education dan muka surat 173 Pecahan-kepala (11)—Capital Grants to Fully-Assisted Schools (Non-Government owned).

Tuan Pengerusi, Kementerian Pelajaran adalah satu Kementerian untuk memberi tiap-tiap warganegara bagi memajukan diri dan membuat sumbangan terhadap masyarakat. Maka cuma melalui sekolah-sekolah baru mereka boleh mendapat latihan itu, maka kecuali sekolah-sekolah kita dapat menyediakan kemudahan-kemudahan sewajarnya kanak-kanak kita tidak dapat menjadi warganegara yang berguna dan pemimpin-pemimpin yang baik apabila mereka dewasa kelak.

(Dengan izin) Sir, it is sad to say that there are still many schools in the urban and rural areas that have been left out in terms of teaching facilities and proper classrooms. For example, in my Kawasan of Tanjong Malim, there is one school in Pukan Pasir with only two classrooms to hold six classes. Fortunately, there is an old but still serviceable community hall nearby which has been made use of as another permanent classroom. This means that there are altogether three classrooms for six classes. In such a situation, they have two classes in one classroom for study.

Tuan Pengerusi, this sort of inconvenience where two classes are conducted in one classroom is really ridiculous. I suppose the State Education Department has taken up this matter, but it has not been fast enough in taking action, because they have been operating in this manner for a few years. Tuan Pengerusi, this lack of proper classrooms could be a contributing factor to the poor performance by students in their studies, and I would like to urge the Minister concerned to take note of this.

Tuan Pengerusi, another example is the National-Type Tamil School in Tanjong Malim where they have no classrooms and so they have to make use of classrooms in another school. Unfortunately, the classrooms being made use of from another school are in a very awkward position as there are a lot of disturbances during the class hours. I understand that the school authorities have applied for another piece of land, but their application seems to be still on the waiting list for a few years already. I would like the Minister concerned to take note of this. I hope that in an urgent matter like this, he would please do a good job because, especially in a small town, this sort of matters could create a sense of misunderstanding among a particular community. The particular community might think that they have been neglected, and I wish the Minister concerned would take note of this. I know that there are lot of things to do in the Ministry of Education, but priority should be given to urgent matters like this.

Tuan Pengerusi, while touching on education I would like to mention briefly also regarding the school buildings in the rural areas and villages. Today we notice that a lot of schools in the villages and the rural areas are still in very, very poor and miserable conditions. I understand that in every State there is a Planning Section in the Education Department, but I wonder whether they do make a survey once a year or once in two years to make sure that the school buildings are in a proper order and are structurally sound. It would be a good idea to have the buildings repaired before it is too late, or else they have to be condemned and a lot of money has to be spent in order to put up a new building. Tuan Pengerusi, there are a lot of matters that we cannot afford to overlook, because they could create misunderstanding.

Finally, I would like to touch on the Lower Secondary Schools. Tuan Pengerusi, at the moment there are still a lot of villages and rural areas do not have the supply of electricity. In the kampungs and villages where no supply of electricity is available, the students in the schools would not be able to enjoy the facilities like T.V. or Radio which provide educational programmes. I would like to ask the Honourable Minister to pay special attention to these schools in order that the students could compete effectively at their examinations.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.04 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran tentang peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Pelajaran. Bagi menjawab beberapa teguran yang dibuat saya ingin mengulas bukanlah semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan, tetapi perkara-perkara yang agak penting sahaja dan saya akan menjawab terus kepada beberapa tajuk yang telah dibangkitkan bersama oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam telah menyebut tentang penukaran guru-guru daripada bandar ke luar bandar dan ini telah membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan guru-guru ini dan beliau telah mencadangkan supaya mereka diberi layanan yang lebih baik. Perkara ini juga dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain dan di antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan ialah supaya kita mengadakan rumah-rumah bagi guru-guru ini berdekatan dengan sekolah-sekolah yang mereka mengajar. Kita telah pun mengadakan beberapa rumah untuk guru-guru di kawasan luar bandar tetapi tidak semua daripada rumah-rumah ini telah dipergunakan oleh guru-guru itu. Walau bagaimanapun, kita ada bercadang dan peruntukan telahpun dibuat supaya mengadakan rumah-rumah guru di kawasan-kawasan yang terpencil supaya mereka dapat tinggal dekat dengan sekolah yang mereka berkhidmat. Saya ingin membina seberapa banyak rumah guru yang boleh tetapi masalahnya ialah peruntukan yang diberi kepada Kementerian tidaklah mencukupi dan wang yang kita ada patut digunakan untuk lain-lain masalah yang dianggap mendapat lebih priority daripada rumah-rumah guru. Apabila sahaja kita telah mendapat peruntukan yang lebih maka kita akan cuba mengadakan rumah-rumah untuk guru-guru lebih banyak daripada masa sekarang, tetapi mereka mestilah sanggup tinggal di rumah-rumah itu dan tidak pula menuntut supaya syarat-syarat dikenakan kepada Kerajaan tentang rumah-rumah ini, kerana ada cadangan-cadangan supaya rumah-rumah ini dibina di bandar-bandar supaya guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar dapat tinggal

di bandar dan berulang-alik ke sekolah-sekolah masing-masing. Ini tidaklah akan memberi faedah kepada sekolah itu. Dalam perkara ini juga saya ingin menegaskan bahawa persekolahan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada anak-anak kita mendapat pelajaran. Orang-orang lain yang terlibat di dalam usaha menyampaikan pelajaran kepada anak-anak kita mendapat priority yang kedua daripada kepentingan yang diberi kepada murid-murid yang berada di sekolah-sekolah.

Tentang cadangan supaya diberi satu elaun khas bagi guru-guru yang tinggal di luar bandar, masalah ini telah dikaji oleh Kementerian beberapa kali tetapi didapati kita tidak dapat mengadakan elaun khas ini kerana ianya tidak akan merupakan satu motivation yang boleh diharapkan. Perkara yang pertama ialah masalah menentukan apakah yang patut dianggap sebagai kawasan luar bandar. Ada setengah yang berpendapat bahawa walaupun mereka ditempatkan di Kota Bharu, di Pantai Timur, itu juga merupakan satu pembuangan dan mereka juga ingin mendapat elaun khas. Ada pula orang yang berkata kawasan luar bandar itu adalah kawasan yang mana penduduknya 5,000 orang ke bawah tetapi ada pula yang berkata bahawa kalau 5,000 orang ke atas sekalipun kalau jauh daripada bandar-bandar yang besar ini patut dianggap sebagai kawasan yang terpencil, kawasan luar bandar. Oleh kerana tafsiran ini tidak begitu mudah maka sukarlah bagi Kementerian menimbang tuntutan supaya elaun khas diberi.

Selain daripada itu, guru-guru yang tinggal di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur pula berpendapat oleh kerana cost of living di Kuala Lumpur ini agak tinggi, maka guru-guru yang berkhidmat di dalam bandar yang besar ini pula juga patut diberi elaun khas kerana cost of living terlalu tinggi. Kalau kita memberi elaun khas ini kepada yang di dalam bandar dan di luar bandar akhirnya mereka akan dapat elaun yang sama dan akan timbul sekali lagi masalah insentif daripada elaun khas bagi kawasan itu dan kawasan ini. Oleh sebab itu, pihak Kementerian tidaklah dapat menimbangkan cadangan ini.

Berkenaan dengan guru-guru yang mendapat ijazah tetapi tidak dapat latihan pendidikan, pihak Kementerian berusaha supaya guru-guru yang berijazah ini akan diberi latihan pendidikan seberapa cepat yang

boleh, tetapi masalahnya ialah tempat di dalam universiti tidak begitu banyak dan tidak mudah pula kita menambahkan tempat di dalam universiti kerana ianya bergantung kepada bilangan-bilangan pensyarah dan tempat-tempat yang ada di dalam universiti.

Berkenaan dengan sungutan terhadap biasiswa untuk ilmu kedoktoran iaitu mereka dikenakan syarat membayar balik \$70,000 kalau mereka ingin menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan, ini sebenarnya bukanlah tanggungjawab Kementerian Pelajaran. Biasiswa seperti ini diberikan oleh pihak J.P.A. dan mereka mengenakan syarat ini kerana terlalu ramai daripada orang-orang yang mendapat biasiswa enggan berkhidmat dengan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah berucap dengan panjang lebar, sebenarnya bukan berkenaan dengan peruntukan dalam Budget bagi Kementerian Pelajaran, tetapi berkenaan dengan penjelasan tentang bilangan-bilangan penuntut di Yayasan Pelajaran Tinggi di dalam dan di luar negeri.

Saya minta izin untuk menjawab dalam bahasa Inggeris kerana Ahli Yang Berhormat itu telah berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The Member for Kepong mentioned that whereas the number of students in universities in the country may be correct, the number of students outside the country may not be that correct because he feels that most of these students who are studying outside the country are not really students in institutions of higher learning but in fact they are students following courses in nursing and other diploma courses which are not of university level. I will be the first person to admit that the numbers that I gave the other day are not quite accurate. I never did mention that all of them were studying in institutions of higher learning. I merely said that they went abroad to study and the figures were taken as an indication of the numbers that are abroad. I had proposed long ago that there should be a registration of students who go abroad for the purpose of keeping track of the students so that the courses they study are relevant to the needs of the country. We have a need to plan for the manpower needs of this country and it would be very much better for everybody if we are able to register these students who go abroad. I do hope that the Member for Kepong and the Member for Telok

Kemang will now accept the need to have registration of students who go abroad, so that in future when I give figures regarding these people who are studying abroad they will be much more accurate.

I would admit that a number of these students are studying for courses which are not at university level. This is taken as an argument by both Members that as the figures of the students studying abroad are not quite that accurate, we should not use them as an excuse for admitting more Bumiputra students into local universities. The fact remains, Mr Chairman, that if we look at the number of professional people in this country, there is an extreme disparity and from what we know about the students who are studying abroad, we feel sure that most of them are doing courses which will qualify them for very high posts or for professions which give a very good living for them when they return later.

It is admitted even by the Member for Kepong that there would be no possibility of Bumiputras catching up with the non-Bumiputras in this field and he derides this obsession with regard to getting the Bumiputras to catch up with the non-Bumiputras. He thinks that this is impossible. This is contradictory to what he said in the beginning, because at the beginning he was emphasising that the number of people studying abroad might not be so many as I indicated in my reply the other day. If he feels that there are not so many and that the number of Bumiputras studying within the country are too many, then we should be able to catch up with the rest, but here he again says that we should not have this obsession of catching up with the rest, which means, of course, that he agrees that despite the fact that we have more Bumiputras admitted into the local Universities, they will never be able to catch up with the number of non-Bumiputras who are studying within the country and outside the country. I feel, therefore, that he himself has argued justifying the policy that we follow in this country to give more places to Bumiputras within the country, merely because it is much more possible for us to control the admission of students into local Universities.

He mentions that if there are not enough Bumiputra students studying in the University in the Science and Engineering Faculties, it is not the fault of the University. I do

not remember blaming the University for this, but obviously he feels that the University must have been accused of possibly not encouraging Bumiputras to go into these Faculties. The fact remains that despite the fact that we have had a Faculty of Engineering in the University of Malaya for quite some time, the number of Bumiputras who graduated from the particular Faculty does not add up to as many as the number of Bumiputras who have graduated from institutions such as the Brighton College of Technology. I would not be very quick in saying that standards in such places are lower than those in our University without doing a proper examination. As a professional man, the Member for Kepong should be less quick about casting aspersions on the qualifications derived from other Universities.

He also mentions that one of the effects of the Amendment to the Universities and University Colleges Act is that there was a misuse of power by the Vice-Chancellor when he appointed a new Dean for the Faculty of Engineering. He says that the new Dean is not qualified. I have discussed this matter with the Vice-Chancellor and the Vice-Chancellor is satisfied that not only is the New Dean qualified but the advice of the old Dean was sought and he had no objection to the appointment of the new Dean. In any case, a Faculty is not run entirely by the Dean; the standards in the Faculty are maintained by the other Lecturers and I doubt whether the appointment of a Dean is such as to lower the standards or cause all the Lecturers to leave a Faculty. I would consider it very irresponsible indeed if academic staff of the University were to resign merely because they have a Dean who is not to their liking. Before there was this provision in the Amendment of the Universities and University Colleges Act, Deans were elected by members of the Faculty and that system too was prone to a lot of abuse and quite frequently we found people sending around letters which ran down each other and made improper accusations about candidates who were contesting to become Deans of various Faculties. It is to avoid such a practice that we have made amendments to the Universities and University Colleges Act.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menimbulkan berkenaan dengan pembangunan rohani supaya ianya sama dengan

pembangunan jasmani di kalangan penuntut-penuntut kita. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pihak Kementerian memberi perhatian yang berat tentang perkara ini dan kita akan mengadakan lebih banyak latihan ugama umpamanya dan juga berkenaan dengan sivik supaya latihan rohani dapat disampaikan dengan cara yang cukup berkesan.

Tuduhannya tentang Fakulti Perubatan di UKM mendapat alat-alat yang tidak memuaskan dan sebagainya saya akan selidiki samada benar atau tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menyebutkan tentang peperiksaan yang sama untuk guru-guru ugama Empat Senawi. Saya berasa dukacita kerana ini sebenarnya melibatkan sekolah-sekolah ugama yang bukan dimiliki oleh Kerajaan dan oleh kerana itu peperiksaan itu tidaklah sama tarafnya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah menerima Empat Senawi ini untuk memasuki sebagai guru ugama di sekolah-sekolah. Kita akan memerhati perkara ini dan akan cuba mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mendapatkan satu sukatan yang sama bagi kelulusan Empat Senawi.

Berkenaan dengan penempatan pusat latihan guru di Perlis masih belum ditentukan lagi dan kita akan cuba memenuhi pendapat Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu telah menyebutkan tentang apa yang telah saya katakan di Sarawak bahawa pelajaran dalam bahasa Inggeris tidak begitu berguna, sebaliknya apabila balik ke Semenanjung saya telah berkata pula bahawa pelajaran bahasa Inggeris begitu penting. Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat itu tidak faham apa yang saya telah katakan di Sarawak dan apa yang saya telah perkatakan di sini. Di Sarawak pelajaran di sekolah-sekolah rendah disampaikan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sedangkan murid-murid itu tidak akan menggunakan bahasa Inggeris begitu meluas apabila mereka lulus daripada sekolah-sekolah rendah. Bahasa yang lebih digunakan di sana ialah bahasa Malaysia tetapi di samping itu walaupun kita ingin menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, kita juga ingin supaya semua murid-murid belajar bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran. Belajar bahasa Inggeris sebagai satu matapelajaran tidak

boleh diabaikan dan kita percaya dianya berguna bagi kebanyakan daripada penuntut-penuntut yang mungkin akan melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri, tetapi mereka ini tidaklah begitu banyak dan saya telahpun menerangkan tujuan Kerajaan mengadakan matapelajaran Inggeris sebagai satu matapelajaran ialah kerana kita ingin semua penuntut-penuntut memahami sedikit bahasa Inggeris tetapi sebilangan yang akan melanjutkan pelajaran mereka akan menuntut bahasa Inggeris dengan cara yang cukup berkesan, kerana ini akan menjadi satu alat bagi mereka menguasai pelajaran-pelajaran lain di luar negeri. Tidak ada perbezaan antara Sarawak dan di Semenanjung di dalam polisi ini. Apa yang ditegaskan di Semenanjung samalah juga ditegaskan untuk Negeri Sarawak.

Berkenaan dengan masalah SUPP dan bahasa China yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain tidaklah ada kenamengena dengan diri saya.

Cadangan supaya satu matapelajaran farm and household economics patut diadakan di sekolah-sekolah di Sarawak telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan kita akan mengadakan pelajaran pertanian di sekolah-sekolah vokesyenal bagi sebilangan penuntut-penuntut di Sarawak dan juga di Semenanjung.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyebutkan tentang kecurian dan pemburuan kertas soalan yang berlaku baharu-baharu ini. Sebenarnya, sungguhpun kertas-kertas soalan itu dicuri tetapi ianya tidak dapat diperedarkan oleh orang-orang yang mencuri kertas-kertas soalan itu dan tidak ada bukti menunjukkan bahawa murid-murid yang lain telah dapat kertas-kertas soalan ini. Kita telah menjaga keadaan di Pusat-pusat Peperiksaan dengan cara cukup ketat dan kita telah memeriksa bagi menentukan samada kertas-kertas soalan ini terdapat ke tangan penuntut-penuntut, tetapi tidak ada bukti.

Berkenaan dengan cara-cara mengawal kertas-kertas soalan ini, kita telah membuat satu rancangan yang baik untuk tahun ini, tetapi malangnya apa yang terjadi di Kemaman itu adalah satu perkara yang agak luar biasa yang tidak disangka oleh kita, dan kita ingin memberi pengakuan bahawa pihak kita telahpun menggunakan pertolongan daripada polis untuk mengawal kertas-kertas soalan ini. Tetapi apa juga cara yang kita menggunakan masih juga ada kemungkinan kecurian

ini berlaku di masa-masa akan datang. Pihak saya tidak boleh memberi jaminan bahawa tidak akan ada lagi kecurian tetapi apa juga tindakan yang boleh diambil oleh pihak Kementerian akan diambil bagi mengelakkan kejadian ini.

Berhubung dengan perkara buku teks, saya sedar bahawa banyak masalah timbul daripada pengedaran buku teks percuma tahun 1975 tetapi pihak Kementerian telah mengkaji segala kelemahan dalam bidang ini dan kita berharap dalam tahun 1976 banyak daripada kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi. Tetapi sekali lagi saya tidak dapat memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku beberapa perkara yang tidak memuaskan hati pihak-pihak yang terlibat.

Tentang buku Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit mutunya tidak begitu baik, saya minta supaya ditentukan mana satu buku yang tidak begitu baik supaya dapat saya membincangkan perkara ini dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berkenaan dengan latihan guru, kita mengadakan rancangan yang besar untuk melatih guru. Sehingga tahun ini bilangan guru yang akan dilatih meningkat dua setengah kali ganda daripada latihan yang diadakan pada tahun 1975. Ini adalah dengan kerana kita merancang supaya lebih banyak guru yang terlatih dapat dihantar dan juga guru-guru sementara yang tidak terlatih yang berada sekarang ini akan diberi latihan supaya lulus menjadi guru yang terlatih dalam jangka masa empat tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan dari Tanjong Malim telah menyebutkan tentang masalah fully-assisted schools tidak dapat peruntukan yang banyak. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kita akan cuba menambah peruntukan jika peruntukan yang diberikan ini tidak mencukupi. Tetapi saya ingin menerangkan bahawa masalah ini timbul sebenarnya bukan kerana kita tidak ada bilik-bilik darjah, masalah ini timbul kerana satu kempen yang dijalankan supaya ibubapa yang dahulunya menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris sekarang ini menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang menggunakan bahasa China sebagai bahasa penghantar. Kita dahulu menggunakan

bahasa Inggeris sebagai jenis sekolah di mana anak-anak Melayu, China, India dan lain-lain dapat bercampur-gaul di situ. Dengan penukaran daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar, sepatutnya ibubapa yang dahulu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris akan terus menghantar ke sekolah-sekolah Inggeris. Tetapi oleh kerana satu kempen telah dijalankan maka kebanyakan daripada murid-murid China daripada sekolah-sekolah Inggeris dahulu kini telah dihantar ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China). Sebab itu didapati bahawa bilik-bilik darjah di Sekolah Jenis Kebangsaan (China) tidak mencukupi. Ini bermakna pula bahawa kita ada tempat yang banyak di sekolah-sekolah yang dahulunya sekolah Inggeris tetapi sekarang ini dijadikan Sekolah Kebangsaan. Saya harap

Tuan Pengerusi: Nampaknya Yang Berhormat, masa ada sedikit sahaja lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Jawapan saya hampir habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu kita boleh habiskan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya harap kalau kempen ini direntikan maka murid-murid itu akan pergi ke Sekolah Inggeris yang sekarang ini menjadi Sekolah Kebangsaan dan masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah bantuan penuh ini tidak akan timbul sama sekali dan kita dapat mengatasinya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,030,427,000 untuk Kepala B. 23 dan \$170,963,400 untuk Kepala B. 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual: dan wang sebanyak \$204,552,030 untuk Kepala P. 23 dan \$56,925,000 untuk Kepala P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 8hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.